

SAMUDERA



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY • BIL. 02/2012 • ISSN 0127-6700



13th WPNS SYMPOSIUM
Kuala Lumpur
24 - 28 September 2012

ISSN 0127-6700



9 177 0127 6700 04

WHEN EVERY SECOND COUNTS

BOFORS 40 MK4 NAVAL GUN SYSTEM

When your survival hangs on a matter of seconds, you need agile weapon systems that enable a lightning-quick response. The Bofors 40 Mk4 naval gun system is designed to meet that demand.

It has the capability to rapidly switch between optimised ammunition types, including programmable 3P all-target ammo.

This combines with straightforward, cost-effective integration, delivering affordable flexibility – and outstanding survivability.

BAE SYSTEMS

REAL PROTECTION. REAL ADVANTAGE.

DARI MEJA **Ketua Editor**



Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izinNya, keluaran kedua SAMUDERA bagi edisi tahun 2012 dapat diterbitkan. Terlebih dahulu saya mengucapkan salam perkenalan kepada semua pembaca SAMUDERA.

Keluaran kali ini turut menyaksikan pertukaran beberapa ahli Sidang Redaksi SAMUDERA termasuk pengambilalihan jawatan saya selaku Ketua Editor. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Ketua Editor, Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Musa bin Omar dan Kepten Sabri bin Zali TLDM di atas jasa dan bakti yang telah disumbangkan kepada SAMUDERA. Insyaallah, dengan komitmen penuh Sidang Redaksi, SAMUDERA akan terus mengorak langkah sebagai wadah percambahan minda *The Navy People*.

SAMUDERA kali ini memaparkan kejayaan dan kecemerlangan yang dikecapi TLDM dalam mengorak langkah menempa nama yang lebih gemilang di pentas dunia. Pelbagai kejayaan telah dikecapi termasuklah penganjuran persidangan dan program bertaraf nasional dan antarabangsa. Kejayaan menganjurkan Sambutan Hari Terbuka Pusat Hidrografi Nasional, Woksyop dan Persidangan *Western Pacific Naval Symposium (WPNS) Ke-13* misalnya, telah mencerminkan kredibiliti dan profesionalisme TLDM di peringkat antarabangsa. Kesiagaan aset-aset TLDM juga terus dipertingkatkan melalui pelbagai Eksesais. Kejayaan demi kejayaan yang dikecapi melalui eksesais yang dijalankan membuktikan bahawa keupayaan aset dan warga TLDM terus diperkasa.

Akhir kata, Sidang Redaksi berharap agar pembaca setia SAMUDERA dapat memperolehi manfaat dari paparan keluaran kali ini. Sebarang komen dan pandangan adalah dialu-alukan bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti SAMUDERA. Sidang ini juga akan sentiasa berusaha gigih menambah baik SAMUDERA dari semasa ke semasa agar ianya terus kekal relevan sebagai wadah percambahan minda warga *The Navy People*.

Sekian, Salam hormat daripada Sidang Redaksi SAMUDERA

Sedia Berkorban

SAMUDERA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG/ PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Haji Mohammed Noordin bin Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Muda Dato' Abdul Ghani Othman

EDITOR

Kept Shamsuddin bin Haji Ludin TLDM
Kdr Ismail bin Othman TLDM
Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM
Lt Kdr Mohd Hafiz bin Mohd Akhir TLDM

WAKIL MARKAS TENTERA LAUT

Lt Siti Salina binti Johari TLDM

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida binti Rahaman TLDM

WAKIL MARKAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN TLDM

Lt Kdr Karimah binti Awi TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 1

Lt Kdr Norhaslina binti Omar TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 2

Lt Mohd Faizruddin bin Mohd Nor TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 3

Lt Hafiz Ezaiddin bin Hussain TLDM

WAKIL KD SULTAN ISMAIL

Lt Raja Muhamad Fadzli bin Raja Abdul Latif TLDM

PENGEDARAN

BK PBK (I) Mohd Rizalman bin Amin

REKA BENTUK

Adi Iskandar bin Elias
Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
Jalan Chan Sow Lin
50554 KUALA LUMPUR

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan pertahanan daripada seluruh warga *The Navy People* dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Rancang dan Operasi
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20713218/ 3072/ 3074/ 3187
Faks : 03-26981680/ 26927677



**WPNS
WORKSHOP
2012:
A CURTAIN
RAISER TO
SEPTEMBER'S
MEETING**
3

**WPNS SYMPOSIUM
2012:
CLEARING THE WAY
FOR THE FUTURE**
4




**KEJAYAAN TLDM
MENJADI TUAN
RUMAH WESTERN
PACIFIC NAVAL
SYMPOSIUM
(WPNS) 2012**
16

**LAWATAN
PASANGAN
PESERTA
PERSIDANGAN
WPNS DI
SEKITAR KUALA
LUMPUR**
42



**KENANGAN
TERINDAH
DELEGASI
WPNS DI MELAKA
BANDARAYA
BERSEJARAH**
48



KANDUNGAN

8 THE CONFLICT IN MINDANAO

12 ASEAN MARITIME SECURITY
INFORMATION SHARING
EXERCISE (AMSIX)

18 TLDM MUNCUL JUARA SUKAN
ANTARA PERKHIDMATAN
LIMA KALI BERTURUT-TURUT

33 OSTEX - TINGKATKAN
KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN
TLDM DALAM PEPERANGAN
MARITIM

36 FUTURE ASSETS
CAPABILITIES:
IN FULLFILLING MULTI-
LAYERS DEFENCE
REQUIREMENTS

40 HARI HIDROGRAFI SEDUNIA:
PUSAT HIDROGRAFI
NASIONAL ANJUR HARI
TERBUKA

46 PENEMBAKAN PELURU
BERPANDU & ROKET:
EKS ANGSA PAMER
KEUPAYAAN TEMPUR ATM

53 KEJOHANAN PAYUNG TERJUN
TERTUTUP ATM:
LUMUT CHALLENGE
2012: 'THE FLYING FROG'
PERTAHANKAN KEJUARAAN

WPNS WORKSHOP 2012

A Curtain Raiser to September's Meeting

By: Midshipmen Norzuhaira Ruhanie



The Western Pacific Naval Symposium (WPNS) Workshop held last May in Kuala Lumpur was seen as a pre-cursor to the bigger gathering of Principals in September. Discussions at the Working Group level had focussed on propelling forward issues long deliberated for endorsement, covering various aspects of cooperation and maritime security.

With the theme of Enhancing Interoperability and International Cooperation, delegates managed to reach an accord on many of the said issues to be brought forward to the Principals.

Captain Azhari bin Abdul Aziz RMN, Director of Legal Services at the Naval Headquarters had said that while the representatives of the various WPNS nations may change from time to time, the dynamics of the issues raised by one Workshop or Symposium to the next should be followed properly by the Secretariat.

The co-chairman of the meeting added that the WPNS forum as a whole is "a knowledge management mechanism that gathers lessons identified".

Among the topics of discussion during the two-day meeting include a proposed Terms of Reference of the WPNS Environmental Working Group as well as the adoption of the Code of Unalerted Encounters at Sea (CUES) as a document to guide members during operations at sea.

Held at the Royale Chulan Hotel, the Workshop also included a social element to the gathering to allow delegates some respite from the

serious and intense discussions in the conference room.

In addition, at the end of the meeting, participants were taken on an excursion up the Petronas Twin Towers, providing an entire different memory for them to bring back home.



WPNS SYMPOSIUM 2012

Clearing The Way For The Future

By: Midshipmen Norzuhairi, Ruhanie



The recent Symposium of the Western Pacific Naval Symposium (WPNS) in Kuala Lumpur has managed to address several issues which will boost cooperation among member nations.

A couple of significant developments from the conference were the endorsements of the Terms of Reference of two working groups with focus on the environment and boosting ties between senior sailors respectively, after several years of deliberations. The endorsements would provide a fresh start for discussions on related issues as well as another catalyst to enhance relationships between members at various levels.

The Symposium had also seen the largest participation since its inaugural meeting in 1988 with some 90 delegates from 21 countries, an indication of the commitment of its members to work together in addressing issues affecting the Western Pacific region.

Information sharing was also high on the agenda, with members participants giving their perspectives as well as sharing experiences on matters which would benefit all.

Although members were not able to agree on all the topics discussed, what is important was the manner of conduct by participants to voice their opinions, showing respect to others while expressing differing views.

Apart from the main conference, participants also took the opportunity to hold bilateral meetings among

themselves, which is another avenue for consultation and improving relationships.

At the Symposium, Peru became the newest full member of the block, joining fellow Latin American nation Chile, who was promoted two years ago in Australia.

As Chairman for this year's Symposium, the leadership of Admiral Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar was commended in navigating through the various issues smoothly, not a small feat when you have many of the major powers together at one table.

The last time Malaysia hosted the WPNS Symposium was in 1994 in Penang. As it hands over the responsibility of being host of the 2013 Workshop to Thailand and the 2014 Workshop and Symposium to China, the two future hosts have already taken notes from Kuala Lumpur on ways to ensure their conduct of the next gatherings would be as successful, if not better.



Pelayaran Bersama KAPAL JM SDF

Oleh: Lt Kdr Mohamed Noorjais bin Abdul Jalil TLDM



Belayar menaiki kapal merupakan satu rutin untuk seorang pegawai atau anggota TLDM. Namun ianya merupakan satu pengalaman yang amat bermakna apabila diberi peluang untuk mengikuti pelayaran bersama kapal perang negara asing. Pengalaman belayar bersama kapal perang negara asing bukanlah satu pengalaman yang asing pada saya. Malah, saya telah diberikan pendedahan sejak dari awal perkhidmatan saya sebagai pegawai TLDM. Namun pengalaman pelayaran bersama kapal negara luar dalam jangka masa yang lama merupakan pengalaman yang sukar dilupakan. Apabila saya dimaklumkan bahawa saya telah dicalonkan untuk belayar

bersama Kapal Negara Jepun maka saya perlu bersiap sedia memastikan persiapan dari segi fizikal dan mental kerana sedia maklum atas beberapa kesukaran yang mungkin dihadapi semasa dalam pelayaran nanti. Apa yang dimaksudkan di sini ialah kesukaran dari segi bahasa, diet pemakanan yang dihidangkan yang diragui status halal serta haramnya dan rutin di atas kapal yang memerlukan masa untuk menyesuaikan diri. Namun, segala cabaran perlu dihadapi dengan tabah dan cecal berkat doa ayah dan ibu yang menjadi bekalan sepanjang berada di perantauan.

Pada 26 Ogos 2012, Kapal JM SDF iaitu JS URAGA dan JS HACHIJO





International Mine Counter Measure Exercise 2012 (IMCMEX 12) yang diadakan di Bahrain pada 16 hingga 27 September 2012. Pelayaran mereka dari Jepun ke Malaysia telah mengambil masa selama 16 hari sebelum sampai ke Pelabuhan Klang.

Sepanjang pelayaran bersama JS URAGA, saya telah berpeluang untuk menyaksikan beberapa latihan yang dilakukan bersama dengan JS HACHIJO. Antara latihan yang dilakukan adalah seperti Manuvra Taktis, Tali Balingan, Evolusi Pengisian Minyak Dari Buritan Kapal dan Latihan Kebakaran. Saya juga diberi peluang untuk menjadi Pegawai Peperangan Periuik Api Bertugas di anjungan bersama dengan Pegawai Bertugas Anjungan. Ianya merupakan pengalaman yang bermakna dan agak istimewa memandangkan semua latihan yang dilakukan menggunakan Bahasa Jepun. Apa yang dapat diperhatikan adalah segala latihan dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan penuh disiplin. Memang benar dengan apa yang sering diperkatakan bahawa bangsa Jepun merupakan bangsa yang rajin dan berdisiplin malah amat mementingkan kesempurnaan. Malah dalam setiap latihan yang dilakukan akan ada penilaian oleh Staf Penilai Kapal selepas setiap latihan dengan memberikan teguran dalam pelbagai aspek latihan yang dilakukan. Itulah antara perkara yang saya rasa amat baik serta berkesan yang boleh diamalkan oleh mana-mana organisasi di dalam memastikan segala operasi yang lazim dan sering kali dilakukan agar dapat dilakukan dengan betul dan berjaya dilakukan dengan baik setiap kali dilakukan. Di samping itu juga ianya boleh juga dijadikan kayu pengukur dalam menentukan tahap pencapaian sesuatu latihan.

Pelayaran selama 7 hari menuju ke Sri Lanka dengan JS URAGA telah memberikan pengalaman serta membuka minda saya terhadap beberapa perkara yang menarik yang mungkin boleh dipraktikkan di dalam perkhidmatan TLDM. Diperhatikan bahawa segala peralatan malah buku-buku rujukan

telah masuk ke perairan negara dan telah bersauh di Kawasan Bersauh Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang. Kedua-dua kapal dijadualkan untuk mengikuti *International Mine Counter Measure Exercise 2012 (IMCMEX 12)* yang bertempat di Bahrain. Berdasarkan perancangan pelayaran ke Bahrain, mereka juga merangka beberapa lawatan operasi sepanjang pelayaran dan Malaysia merupakan di antara negara yang menjadi destinasi lawatan tersebut. Kedua-dua Kapal JMSDF yang datang untuk lawatan ini merupakan kapal dari jenis Peperangan Periuik Api. Kapal JS URAGA adalah kelas *Mine Sweeping Tender (MST)* manakala JS HACHIJO adalah dari kelas *Mine Hunting Ocean (MHO)*. Kehadiran Kapal JMSDF ini di Malaysia selain dari lawatan operasi tetapi juga ingin memperkukuhkan serta mengeratkan lagi perhubungan bilateral antara Jepun dan Malaysia. Antara kunjungan hormat yang dilakukan oleh delegasi Jepun ini adalah dengan menemui YBhg Laksamana Muda Dato' Abdul Ghani bin Othman di Markas Tentera Laut. Selain dari itu delegasi Jepun ini juga turut mengambil peluang membuat lawatan ke Masjid Sultan Salahuddin di Shah Alam.

Pelayaran saya bersama kapal perang Jepun bermula pada 28

Ogos 2012. Saya menggambarkan pelayaran saya sebagai pelayaran serampang dua mata kerana berpeluang belayar dengan menaiki kedua-dua kapal JMSDF tersebut. Kedua-dua kapal membongkar sauh dan memulakan pelayaran dari Pelabuhan Klang menuju ke destinasi pertama iaitu ke Colombo, Sri Lanka. Pelayaran menuju ke Sri Lanka ini mengambil masa selama 7 hari dan saya telah ditumpangkan di kapal JS URAGA. JS URAGA adalah Kapal MST yang mempunyai kekuatan seramai 170 pegawai dan anggota. Kapal ini berperanan sebagai kapal induk untuk Kapal Peperangan Periuik Api *Command Mine Warfare Division 51 (CMD 51)*. Kepten Kawakami merupakan Komandan kepada CMD 51 yang bertanggungjawab terhadap divisyennya dalam pengendalian segala operasi yang berkaitan dengan Peperangan Periuik Api khususnya. Selain daripada itu CMD 51 turut terlibat dengan operasi kemanusiaan yang mana mereka turut terlibat dalam operasi menyelamatkan dan membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan tsunami yang berlaku pada bulan Mac tahun 2011 di Jepun yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa yang banyak. Kapal JS URAGA yang berpangkalan di Yokosuka, Jepun mula belayar bersama JS HACHIJO pada 12 Ogos 2012 untuk mengikuti eksesai

telah dilabelkan mengikut klasifikasi warna bagi menunjukkan ianya kepunyaan oleh jabatan tertentu. Antara contoh yang menarik ialah setiap teropong di anjungan telah diberikan warna tertentu pada talinya bagi menunjukkan sesebuah teropong itu kepunyaan oleh jabatan tertentu. Sebagai contohnya, teropong berwarna merah dikhaskan kepada tim anjungan yang terdiri dari anak kapal yang bertugas di anjungan dan warna biru pula kepada staf peperangan peruk api yang bertugas di anjungan. Berdasarkan apa yang dipamerkan boleh dikatakan bahawa mereka mengamalkan Konsep 5S tetapi apabila ditanya mereka hanya mengatakan memang telah menjadi amalan dan cara mereka sejak dari mula lagi memastikan semuanya dalam keadaan teratur dan kemas. Malah mereka mengatakan bahawa JMDF adalah kualiti dan tidak memerlukan satu sistem yang lain untuk menunjukkan atau mempamerkan mereka.

Rutin harian di atas Kapal JMDF juga berbeza berbanding dengan rutin pelayaran yang diamalkan oleh TLDM. Rutin ini amat ketara apabila dibandingkan dengan rutin masa makan yang diamalkan oleh TLDM. Waktu sarapan pagi di Kapal JMDF bermula pada jam 6 pagi, masa makan tengah hari pula jam 11.30 pagi dan masa makan malam adalah pada jam 5.30 petang setiap hari. Masa makan yang diperuntukkan pula hanya selama setengah jam sahaja. Dapat diperhatikan di sini bahawa mereka amat mementingkan masa dan setiap waktu yang ada perlu diisikan dengan perkara yang berfaedah. Setiap latihan yang dilakukan sentiasa dikawal dan dilakukan dalam peruntukan masa yang telah dirancang. Sepanjang pelayaran ini, diperhatikan bahawa memang masa memainkan peranan yang penting di mana segala latihan yang dilakukan tidak akan bermula awal atau lewat dan tidak akan berakhir singkat atau terlebih masa. Sekiranya latihan yang dilakukan itu tidak mampu dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan, tiada tambahan masa diperuntukkan tapi ianya akan dikaji semula setiap kali selesai

setiap latihan yang dilakukan. Tim penilai mereka adalah dari warga kapal mereka sendiri yang terdiri dari Ketua Jabatan dan bintara yang terkanan. Mereka akan membuat penilaian berdasarkan pemerhatian dan memberi komen serta teguran agar latihan yang telah dilaksanakan akan dilakukan dengan lebih baik lagi di masa akan datang. Selain itu, tampuk pemerintahan CMD 51 menitikberatkan agar semua anggotanya berada pada tahap kesihatan fizikal dan kecerdasan yang baik. Oleh yang demikian mereka digalakkan untuk melakukan senaman sama ada berlari keliling kapal atau mengikuti senaman bersepadu yang dipanggil sebagai *Booth Camp*. Program senaman ini merupakan amalan harian yang dilakukan pada setiap petang sepanjang pelayaran.

JS URAGA dan JS HACHIJO memasuki pelabuhan Colombo, Sri Lanka pada 3 September dengan diiringi oleh bot peronda Tentera Laut Sri Lanka. Jangkamasa persinggahan di Sri Lanka adalah selama 3 hari di mana kapal belayar semula pada 5 September. Pelayaran seterusnya telah mengambil masa selama 11 hari dan untuk pelayaran menuju ke Bahrain dari Sri Lanka. Saya telah berpeluang pula untuk belayar bersama JS HACHIJO. Kapal JS HACHIJO bukanlah kapal yang sebesar kapal JS URAGA tapi warga kapalnya juga mempunyai tahap disiplin dan ketekunan yang sama seperti di kapal JS URAGA. Semua rutin harian di JS HACHIJO adalah sama seperti di kapal JS URAGA. Antara perkara yang saya tidak dapat perhatikan ketika di kapal JS URAGA ialah tentang bagaimana mereka mengekalkan tahap kebersihan kapal setiap masa. Namun ketika saya di kapal JS HACHIJO saya dapat memerhatikan yang anggota kapal akan sentiasa melakukan pembersihan ketika waktu malam kerana sering mendengar mereka menggunakan mesin hampagas di setiap ruang kapal. Pelayaran dari Sri Lanka ke Bahrain merupakan pelayaran yang agak mencabar disebabkan cuaca yang tidak menentu. Keadaan ombak yang bergelora telah menyebabkan

beberapa latihan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Keadaan laut mula tenang apabila kapal mula hampir memasuki Selat Hormuz. Sebelum memasuki Selat Hormuz, warga kapal telah diberikan taklimat berkenaan keadaan di selat tersebut. Ini berlanjutan dengan konflik semasa yang melibatkan ketegangan yang berlaku antara negara Israel dan Iran. Jepun yang merupakan sekutu kepada Amerika yang juga penyokong kuat kepada Israel menyebabkan kapal JMDF berhati-hati apabila melalui di perairan tersebut. Antara perkara yang dirisaukan adalah kehadiran bot-bot laju Iran yang mampu mensabotaj kapal yang melalui Selat Hormuz dengan melancarkan peluru berpandu jarak dekat. Kapal telah mengambil masa selama 3 hari melalui Selat Hormuz dan Teluk Arab sebelum tiba di Bahrain pada 15 September tanpa sebarang insiden.

Pengalaman melalui pelayaran bersama kapal JMDF telah memberikan satu perspektif yang baru kepada saya tentang bagaimana Tentera Laut Jepun mengoperasikan kapal dan bagaimana TLDM boleh belajar dan mempraktikkan segala perkara yang positif yang diamalkan oleh mereka. Di samping itu, semangat setiakawan di antara TLDM dan JMDF yang telah sedia terjalin perlu dipertingkatkan melalui kerjasama berkaitan keselamatan dan penguatkuasaan maritim. Di dalam dunia yang kini mengorak langkah ke era globalisasi, sikap persefahaman dan hormat-menghormati antara satu sama lain perlu diamalkan oleh setiap individu, bangsa dan negara. Dunia tanpa sempadan kini membolehkan TLDM mengorak langkah di masa hadapan menjadi Tentera Laut yang kredibel dalam menjaga keamanan tidak hanya kepada sesebuah negara tapi kepada seluruh dunia.

THE CONFLICT IN MINDANAO

By: First Admiral Dato' Pahlawan Hj Mohamad Adib bin Abdul Samad
 Chief of Staff Fleet Operational Command Headquarters (Former Team Leader of International Monitoring Team 6)

* This article is a short reflection of my own perspective on the conflict.



The Mindanao conflict has always been a intricate topic to discuss. The complexity of the situation is compounded by the fact that it does not only involve one issue, even though the crux of the conflict is about the Bangsamoro struggle for Self- Determination of their claimed homeland, but it also involve many other stakeholders with either political or economical interest in the conflict. The long history of war, armed conflict, political violence, land grabbing, social injustice and poor governance have deeply affected the social and moral fabrics of Mindanao. As such, a culture of violence, corruption and in some cases, impunity, pervades.

There are 3 main conflicts in Mindanao:

1. The struggle of the Indigenous people (IPs) or Lumads, as they are called, for their rights to ancestral domain.

2. The Bangsamoro struggle for self-determination spanning a few centuries against the Spanish,
3. American and currently the Filipino rule over their homeland of Mindanao.
4. The movement of the New People's Army or the communists that aspires to overthrow the present government and install a Marxist regime in the Philippines.

This article will only deal with the present struggle of the Bangsamoro through their military wing, the Moro Islamic Liberation Front (MILF), against the Government of the Philippines (GPH) for their self-determination.

The International Monitoring Team (IMT)

Malaysia was requested and given the consent by both parties concerned to be the facilitator

in the peace negotiations since 2000. One of the results of these negotiations was the formation of the International Monitoring Team (IMT) in 2004 and our country was chosen to lead the team comprising of the European Union (EU), Brunei, Japan, Libya and Norway. The IMT was deployed in Mindanao from 2004, beginning with IMT 1, with the objective of creating a conducive atmosphere on the ground for the peace negotiations to proceed. However, negotiations broke down in 2008 with a negative consequence resulting in the resumption of fighting until 2009. It was later agreed by both parties to resume peace talks with Malaysia continuing to act as facilitator. The IMT was re-established in 2010 until the present day with IMT 7 currently in Mindanao.

The Present Situation

During my one-year tenure with the IMT 6 as the Deputy Head of



Crossing a shallow river on a makeshift raft pulled by a cable.

Mission until March 2012, there were a few military assaults on the MILF but claimed by the MILF to be conducted by their lost command that have turned into lawless elements. However, the worst case of armed clash happened on 18 Oct 2011 on the infamous island of Basilan, in which 19 Special Forces soldiers of the Armed Forces of the Philippines (AFP) and 5 fighters from the MILF perished. The IMT eventually conducted the verification of what actually went wrong and forwarded recommendations to avoid future

conflict between both parties. I also witnessed the misery and the vicious cycle of violence among those affected by the continuing armed conflict, especially the children who bore the psychological scars of war. The women too, especially those from Bangsamoro and the IP, suffered hardship and, more often than not, were caught in the crossfire of the armed conflict and found themselves part of the Internally Displaced People (IDPs), running away from their houses and villages seeking refuge in schools or government buildings. Besides the few armed clashes that took place between the MILF and the AFP and the lawless elements as mentioned earlier, it was also a very sad thing to observe the infighting, which is known as rido, within the Bangsamoro due to various reasons such as land disputes, family feuds and revenge killings which sometimes dated back generations.

ground atmosphere as what the IMT is mandated for, all parties including the IMT must coalesce in the spirit of cooperation, complementation, respect and concerted efforts towards achieving a common goal. In reality, this is difficult to achieve because of differences in ideas, agendas and motives from most of the parties and stakeholders involved.



Wading through a river on the way to solve a rido (infighting) between 2 MILF Commanders


Challenges

It was also observed that these conflicts were exacerbated by the politics and consequences of greed by a powerful few. They tend to lose their power, relevancy and a degree of wealth if the peace agreement was signed, and therefore will continue their power games, pitting the government and the MILF. Nevertheless, it was observed that the people of Mindanao, Muslim or Christians, remain resolute in their common quest for peace and development. They are far from giving up and are determined to work together in achieving their dreams of peace and economic transformation. However, these dreams could not be achieved if the rest of the Philippines are not on board, especially those from the northern island of Luzon, as they not affected at all by the conflict.

Currently, both sides are divided in their respective positions; in their demands and counter proposal.



At one firefight site on the island of Basilan during the verification mission



Get stuck in a very muddy track somewhere in Mindanao

The IMT cannot do much to help these people due to the fact that the role of the IMT is only limited to the scope agreed upon by both parties, that is to monitor and prevent armed clashes between the forces of the government and the MILF, and it does not cover rido. However, all ridos will still be monitored and analyzed for potential spillover effect on the peace process. In this limited scope, the IMT could not manage everything on its own. Cooperation from all stakeholders involved are very much required because the IMT's efforts could only be magnified and improved by working together with the MILF and the government under a common framework and understanding of the specific and unique realities of the situation in Mindanao. Therefore, in order to create a conducive



KERJASAMA SERANTAU

The Philippine government insists on staying within the constitutional framework while the MILF insists that it should be amended to suit their demand of having a "sub-state" of Bangsamoro. With both sides strongly divided on their positions, the Peace Talks is at a critical point. Therefore, it is imperative that a focus be given on common grounds and compromises from both sides, without which there is little hope that the Peace Talk will bear its fruits. The conflicting and diverging statements about the constitutional change for a "sub-state" between both parties are strong words that may result in the peace talk collapsing. Frustration is growing on the ground. The situation is tense and may trigger attacks by MILF Commanders, frustrated that the peace negotiation is not moving in a positive direction.



A house in a barangay (Village).

until the peace agreement has been signed. The worrying factor is that the longer it takes to achieve peace, the more vulnerable the situation is going to become. The restlessness of the people yearning for long-lasting peace could be manifested in different forms, expressions and may result in varying

lives from living in poverty and with violence into a peaceful and harmonious reality of life with dignity, honour, prosperity and most importantly, respecting the various elements that coexist within their communities.

Finally, I am confident that peace can be achieved in Mindanao if all parties observe the spirit of ceasefire arrangements and making full use of the ceasefire mechanisms available as stipulated in the ceasefire agreement. Any hostile statements must be avoided because it will only fan the flame of animosity and misunderstanding between both parties. The Government of the Philippines and the MILF should continue with greater effort in resolving their differences and demand through meaningful peace talks, political dialogues and national reconciliation because these are the important building blocks for the challenging time to come. All players should also show more responsibility and engage in common efforts to prevent further acts of violence. If all of these been observed, insyaallah (god willing), I am confident that peace will be attained in Mindanao.



Conducting negotiation with a group of MILF fighters deep in their territory together with Col. Aziz Abdullah, Team Site 4 Leader.

Conclusion

The Mindanao issue is not only a local issue. It is everybody's concern especially Malaysia, for should there be war, then we will experience a massive influx of refugees into the country, namely to Sabah. This situation will have social and economic impact on us. Therefore, as a preventive measure, it is imperative that the IMT should continue to be present in Mindanao

consequences. This is compounded by their level of poverty and the hardship they are experiencing. I am not exaggerating when I say that the majority of people in the affected areas are about 30 years behind us in Malaysia in terms of their standard of living. Most of them can't even afford proper cooking facilities such as gas or kerosene, let alone buy a decent meal. Therefore, it is paramount that the people transform their

EKSES AIS MALPHI LAUT ERATKAN KERJASAMA TLDM & PHILIPPINES NAVY



Eksesais MALPHI LAUT 15/2012 adalah eksesais bilateral antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Philippines Navy (PN) yang dilaksanakan pada setiap tahun. Eksesais ini telah menunjukkan kematangan dan kecemerlangan dalam pencapaian objektif yang digariskan sesuai bilangan yang ke-15 kali pelaksanaannya pada tahun ini di mana buat pertama kali eksesais ini berkonsepkan *Command Team Training (CTT)*.

Antara objektif yang digariskan dalam melaksanakan eksesais ini adalah untuk meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara TLDM dan PN, melatih anggota dan pegawai TLDM dan PN dalam menyertai olahan perang, menjana pengajaran,

idea dan cadangan daripada permainan perang untuk penambahbaikan senario MTA dan seterusnya diaplikasikan pada latihan Armada (FTX) untuk MTA MALPHI LAUT 16/13.

Pada tahun ini, eksesais ini pertama kalinya diadakan di Malaysia. Eksesais ini telah diadakan selama seminggu dan dilaksanakan mengikut fasa. Fasa pertama merupakan Fasa Pra CTT. Ia melibatkan perbincangan, taklimat *Action Speed Team Trainer (ASTT)*, aktiviti sukan (MALPHI Cup) dan pelbagai acara sosial bagi memperkukuhkan kerjasama dua hala di antara TLDM dan PN. Fasa kedua, Fasa Olah Perang iaitu dengan menggunakan ASTT di PUSTAKMAR dan Penutup adalah Fasa ketiga di mana ia merangkumi PXD, penyediaan laporan eksesais,

menandatangani laporan eksesais dan mengadakan aktiviti-aktiviti sosial di antara kedua-dua tentera laut.

Eksesais ini telah berjaya meningkatkan interaksi antara setiap peserta dalam membangunkan proses perancangan dan pelaksanaan eksesais.





ASEAN MARITIME SECURITY INFORMATION SHARING EXERCISE (AMSISX)

Sumber: Lt Kdr Mohammad Fairuz Hassan TLDM

Tentera Laut Republik Singapura (TLRS) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI-AL) telah menganjurkan ASEAN Maritime Security Information Sharing Exercise (AMSISX) di Information Fusion Centre (IFC), Singapura dari 8 hingga 10 Jul 12.

Pada masa yang sama ASEAN Information Sharing Portal (AIP) turut dilancarkan. Majlis perasmian AMSISX dan pelancaran portal AIP ini telah dihadiri oleh hampir semua Panglima Tentera Laut dan delegasi dari negara-negara ASEAN. Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj. Jaafar telah hadir dengan diiringi oleh Panglima Armada, YBhg Laksamana Madya Dato' Abd Hadi bin A. Rashid, Pengarah Operasi dan Pengarah RISLA Markas Tentera Laut.

AMSISX bertujuan melatih petugas Pusat Operasi (OPCEN) tentera laut negara ASEAN menggunakan AIP sebagai salah satu kaedah perkongsian maklumat secara *real time* di antara IFC dengan OPCEN di negara ASEAN. Peserta-peserta TLDM terdiri daripada *International Liaison Officer* (ILO) di IFC, Markas Armada dan semua Markas Wilayah Laut (MAWILLA) sebagai OPCEN yang dihubungkan secara atas talian (*online*) menggunakan Portal AIP.



AMSISX telah dilaksanakan secara *Command Post Exercise* (CPX) tanpa melibatkan pergerakan aset sebenar (*live asset*). Kawasan eksekutif merangkumi Laut Andaman, Selat Melaka, Laut China Selatan serta Laut Celebes. IFC melalui ILO setiap negara akan berinteraksi dan menyalurkan maklumat kepada OPCEN. Setiap injek merangkumi aspek *maritime terrorism* dan *sea robbery* bagi menggalakkan interaksi dan perkongsian maklumat di antara IFC dan OPCEN.

TLDM juga buat pertama kalinya telah menugaskan seorang pegawai di IFC iaitu Lt Kdr Mohammad Fairuz bin Hassan TLDM sebagai *International Liaison Officer* (ILO)

bagi meningkatkan pengumpulan dan perkongsian maklumat di antara tentera laut/agensi maritim di kalangan negara-negara ASEAN berkaitan isu-isu keselamatan maritim.

Secara keseluruhannya, kehadiran pucuk pimpinan tertinggi TLDM dan delegasi serta wakil daripada negara-negara ASEAN yang lain menggambarkan komitmen dan simbol kerjasama serta persefahaman dalam menangani isu-isu keselamatan maritim serantau.



EKSESAIS CARAT 2012: TINGKATKAN KERJASAMA DUA HALA

Sumber: Perhubungan Awam Markas Armada

Foto: BM PWP Mohd Nordin bin Kassim



CARAT 2012 adalah merupakan latihan tahunan dua hala antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan United States Navy (USN) yang dipersetujui di bawah Program Perjanjian Latihan Bersama Malaysia dan Angkatan Tentera Amerika Syarikat. Ia juga adalah latihan berskala penuh yang meliputi Latihan Medan dan Latihan Pos Pemerintahan. CARAT 2012 ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan saling khidmat dalam perancangan dan pelaksanaan operasi bersama dan gabungan di antara kedua-dua Angkatan Tentera.

CARAT 2012 telah dilaksanakan dengan jayanya mulai 15 Jun 2012 sehingga 21 Jun 2012 bertempat di sekitar kawasan Pangkalan TLDM Lumut, Manjung, Trong dan Ipoh. Eksesais selama 7 hari ini merangkumi eksesais *Command Post Exercise (CPX)*, *Military Operations, Law and Public Affairs Symposium (MILOPS)*, *Medical Symposium*, *Diving Operations (DIVEOPS)*, *Explosive Ordnance Disposal Exercise (EODEX)*, *Community Service (COMSERV)*, *Engineer Community Assistance Programme (ENCAP)* dan *Force Protection Training*.

Program *Community Service (COMSERV)* atau Projek Jiwa Murni telah dilaksanakan di dua Pusat Kebajikan iaitu Rumah Amal

Haruman Kasih, Ayer Tawar dan Persatuan Kebajikan Orang Cacat, Manjung. Bagi program *Engineer Community Assistance Programme (ENCAP)* telah diadakan buat julung kalinya di Pulau Pasir Hitam, Larut Matang Selama. Projek Pengaplikasian Bekalan Tenaga Elektrik Solar dan Sistem Tadahan Air adalah untuk kegunaan Klinik Desa di pulau tersebut. Program-program seumpama ini diadakan bagi meningkatkan kefahaman penduduk bahawa ketenteraan bukan sahaja menjurus kepada operasi perang malah ia lebih dikembangkan lagi melalui program khidmat masyarakat. Ia juga dapat mengeratkan lagi hubungan di antara Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Tentera Amerika Syarikat dan penduduk setempat.

Upacara Penutup *Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) 2012* telah disempurnakan


oleh YBhg Laksamana Madya Dato' Abd Hadi bin A. Rashid, Panglima Armada. Upacara penutup ini berlangsung pada 21 Jun 2012 jam 9.00 pagi bertempat di Pusat Taktik Maritim (PUSTAKMAR). Turut sama pada majlis hari ini adalah *Commander Logistics Group Western Pacific (COMLOG WESTPAC)*, Rear Admiral Thomas F. Carney, wakil Panglima-panglima Perkhidmatan dan Pegawai-pegawai Kanan ATM.

CARAT 2012 bukan sahaja telah meningkatkan kesefahaman dan kerjasama melalui latihan secara gabungan dan bersama, malahan lebih luas lagi telah memberikan peluang kepada kedua-dua angkatan tentera berinteraksi seterusnya menyumbang kepada hubungan baik dua hala di antara negara Malaysia dan Amerika Syarikat melalui platform ketenteraan.





LAWATAN KAPAL TENTERA LAUT AMERIKA KE MALAYSIA PERKUKUHKAN KERJASAMA MARITIM



Tentera Laut Amerika Syarikat dalam usaha memperkukuhkan kerjasama maritim dengan negara serantau telah menghantar tiga buah kapal tentera laut iaitu kapal pengangkut pesawat USS GEORGE WASHINGTON (CVN 73) dan dua kapal perang USS JOHN S McCAIN (DDG 56) serta USS McCAMPBELL (DDG 85). Ketiga-tiga kapal tersebut telah berlabuh di Jeti Gleen Cruise, Pelabuhan Klang dalam siri lawatan operasi selama lima hari ke Malaysia mulai 7 hingga 11 Oktober yang lalu.



Ketibaan Armada Amerika Syarikat ini telah disambut oleh Penasihat Pertahanan Amerika Syarikat dan Pegawai Kanan TLDM. Lawatan ini turut diketuai oleh Rear Admiral J.R Haley USN, Commander Carrier Strike Group 5 yang berada di kapal USS GEORGE WASHINGTON. Sempena kedatangan kapal-kapal Amerika Syarikat ke negara ini, pelbagai program telah dirancang di antaranya adalah membuat kunjungan hormat ke atas pucuk pimpinan TLDM, majlis resepsi di atas kapal USS GEORGE WASHINGTON dan perlawanan sukan persahabatan.

majlis makan tengah hari telah diadakan di Bangunan Port Klang Cruise Centre sebagai mengucapkan selamat datang ke Malaysia. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi, YBhg Laksamana Muda Dato' Abdul Ghani bin Othman dan Ketua Pengarah Hidrografi, YBhg Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Zaim bin Hasan Pusat

di laut turut dirancang bagi meningkatkan keupayaan tentera laut keupayaan aset dan kemahiran anggota iaitu dengan mengadakan *Passage Exercise (PASSEX)* pada 13 Oktober 2012. Latihan ini turut diharapkan dapat mengeratkan hubungan dan juga meningkatkan persefahaman di antara Tentera Laut kedua-dua negara.



Hidrografi Nasional serta pegawai-pegawai TLDM.

Kapal TLDM yang terlibat adalah dari Skuadron Frigate Ke-23 iaitu KD JEBAT dan KD LEKIU manakala Tentera Laut Amerika Syarikat telah mengatugerakkan kapal pengangkut pesawat USS GEORGE WASHINGTON, kapal pemusnah USS MCCAMPBELL dan kapal frigate USS VANDERGRIFT yang berpangkalan di Jepun untuk menjayakan PASSEX pada kali ini.

Sempena lawatan ini juga, satu

Selain program lawatan, siri eksesai

KD LEKIU dan KD JEBAT telah belayar keluar dari TPL pada jam 7.30 pagi



bagi melaksanakan pertemuan bersama kapal perang Amerika Syarikat yang berada 20 batu nautika barat daya Pulau Pangkor. Selain daripada aset permukaan, eksekusi kali ini turut disertai oleh pesawat Super Lynx dari Skuadron 501, KD RAJAWALI yang telah ditugaskan menjadi platform rakaman untuk sepanjang PASSEX bersama Tentera Laut Amerika Syarikat.

Pelbagai jenis latihan telah dilaksanakan di antaranya latihan manuvra dan komunikasi yang terdiri daripada kibaran bendera serta pancaran lampu bagi mengoptimumkan peluang yang diperolehi ini. Latihan manuvra bersama kapal pengangkut pesawat USS GEORGE WASHINGTON dan aksi akrobatik yang dipamerkan oleh pesawat Super Lynx serta Sea Hawk yang dimiliki oleh Tentera Laut Amerika Syarikat ternyata pengalaman yang mengujakan bagi kesemua warga kapal yang terlibat. Eksekusi yang dilaksanakan di Selat Melaka telah berakhir pada jam 2.30 petang dan kapal perang Amerika Syarikat seterusnya meneruskan pelayaran mereka. Eksekusi pada kali ini telah berjaya mencapai objektifnya dan membuktikan kemampuan aset TLDM dalam beroperasi bersama aset-aset dari negara maju. Ini membuktikan, bahawa visi TLDM untuk menjadi Tentera Laut bertaraf dunia adalah tidak mustahil untuk dikecapi berdasarkan kemampuan dan kebolehan yang kita miliki sekarang.





KEJAYAAN TLDM MENJADI TUAN RUMAH WESTERN PACIFIC NAVAL SYMPOSIUM (WPNS) 2012

Oleh: Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM

Rentetan daripada Simposium Ke-12 yang berlangsung pada 28 hingga 29 Sep 10 di Sydney, Australia, TLDM telah bersetuju untuk menganjurkan Woksyop Ke-21 dan Simposium Ke-13. Penganjuran Woksyop dan Simposium WPNS kali terakhir oleh Malaysia menganjurkan adalah pada tahun 1994 di Pulau Pinang.

Penganjuran Woksyop Ke-21 telah diadakan pada 15 hingga 18 Mei 12 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur telah dihadiri oleh 19 buah negara di mana 17 buah negara merupakan negara ahli manakala 2 buah negara berstatus pemerhati. Penganjuran Woksyop ini telah melakar sejarah di mana jumlah penyertaan negara yang terlibat adalah yang tertinggi sejak ianya mula dianjurkan. Penganjuran woksyop ini merupakan perbincangan yang dilaksanakan di peringkat pengurusan dan pelaksana dan isu-isu yang berbangkit akan dilaporkan kepada peringkat yang lebih tinggi iaitu semasa berlangsungnya Simposium WPNS Ke-13.

Simposium Ke-13 telah diadakan Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur

pada 24 hingga 28 Sep 12 telah dihadiri oleh 21 buah negara di mana 19 buah negara merupakan negara ahli manakala 2 buah negara berstatus pemerhati. Daripada jumlah ini, sebanyak 14 buah negara diwakili oleh Panglima Tentera Laut, sebanyak 3 buah negara diwakili oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, sebanyak 2 buah negara diwakili oleh Panglima Armada manakala 2 buah negara lagi diwakili oleh Penasihat Pertahanan.

Simposium kali ini juga telah mencatat sejarah tersendiri dengan kehadiran wakil negara China iaitu Chief of Naval Staff People's Liberation Army Navy (PLAN) Vice Admiral Ding Yiping. Ini merupakan kali pertama pemimpin tertinggi Tentera Laut China hadir ke persidangan WPNS yang lazimnya hanya dihadiri oleh pegawai berpangkat Senior

Captain. Jumlah penyertaan negara semasa Simposium ini juga adalah yang kedua tertinggi selepas Simposium Ke-11 oleh Tentera Laut Republik Korea yang dihadiri oleh 23 buah negara.

Persidangan yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan ini juga telah berjaya mencapai matlamatnya dengan ketetapan yang dipersetujui oleh semua Ketua Delegasi. Antara perkara yang diusul dan diluluskan termasuk:

1. Status keahlian penuh bagi negara Peru.

2. *Environmental Working Group Term of Reference, Senior Enlisted Working Group Term of Reference dan Disaster Response Operations Guide* diguna pakai sebagai





CHIEF OF NAVY

R1-4-C001, Russell Offices, CANBERRA ACT 2600

CN/OUT/2012/0940

Admiral Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar, RMN, PGAT, PSM, PSAT, PJJ, SSAP, SPDK, SPKK, SPTS, DCSM, DPMS, DMSM, SMW, PAT, JSM, KAT, KMN, AMN, BCM, PJM, PPS, PPA, MA ADV DIP MGT SC ncc psc

Dear Admiral Aziz, Tan Sri,

I offer my congratulations on your Western Pacific Naval Symposium. After hosting the Royal Australian Navy 2012 Suppover Conference earlier this year I understand the additional work and challenges that the hosting nation faces and you should be pleased with how the symposium went. I also want to express my appreciation for the evening events; it was an excellent experience to enjoy the fine dining atop the Petronas Towers.

My wife, Kerrie, thoroughly enjoyed the spouse program, felt very welcomed by all of the spouses and was honoured to have the opportunity to meet you and your lovely wife, Puan Sri Sarah Abdul Ghafar.

I would also like to thank your staff for their efforts throughout the week. Our host officer, Komander Nizam bin Mansor was a fine example of a professional and friendly Naval Officer.

I look forward to seeing you at the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition in early 2013, I am certain that it will be as great a success as the Western Pacific Naval Symposium.

Yours sincerely

R.J. GRIGGS, AO, CSC

Vice Admiral, Royal Australian Navy Chief of Navy

9 October 2012



REPUBLIC OF SINGAPORE NAVY

09-16-3

15 Oct 12

Admiral Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar Chief of Navy Royal Malaysian Navy

Dear Admiral Tan Sri Aziz,

I would like to thank you and Puan Sri for the very warm hospitality and support during our visit to Malaysia. The success of the 2012 Western Pacific Naval Symposium was a testament to the high caliber of the Royal Malaysian Navy.

I would also like to express my appreciation to the Malaysian Government, CIMB Bank and the Petronas Towers for their generous support of the symposium.

It was an honor to meet you and your lovely wife, Puan Sri, and to spend time with you and your family.

We will continue to work together to enhance our relationship and cooperation.

Yours sincerely,

VADM Huang, Ki-Chul Vice Chief of Naval Operations Republic of Korea Navy

12 Oct 12



Commander United States Pacific Fleet

12 Oct 12

Dear Admiral Aziz:

I would like to thank you for hosting the Western Pacific Naval Symposium in Kuala Lumpur. It was a tremendous event due to your great efforts. The dinners, lunch and all of the cultural events were indeed incredible. I also appreciate your meeting with me and the wonderful gifts. I look forward to our future engagements with the goal of further enhancing the relationship between our navies.

Best wishes on your continued success.

Sincerely,

C. D. HANEY Admiral, U.S. Navy

Admiral Tan Sri Abdul Aziz Jaafar Chief of Navy, Royal Malaysian Navy c/o CAPT John Segura, Defense and Naval Attaché U.S. Embassy Kuala Lumpur APO AP 96535-8152

Dear Admiral Aziz: Please accept my most sincere appreciation for your wonderful hospitality which made this year's WPNS and my trip great success. The success of this year's WPNS owes much to your distinguished leadership. The symposium has made it even more evident that increasing interoperability and specialized cooperation is crucial to maritime security. Naval Hospitality extended by your navy, Commander Iskandar in particular, was excellent as well. My wife Mariko very much enjoyed exploring Malaysia through the spouse program. It was also a great honor and pleasure for me to give a presentation on "WPNS activities by JMSDF" and "Good Seamanship effort" and also to have the opportunity to speak with other naval leaders. Through WPNS, I once again felt that a very special tie binds our navies together and that the tie is what ensures the maritime security in the Western Pacific region. Again, thank you very much. Best wishes for the continued success of you and your navy.

Sincerely yours, Katsunobu & Mariko Kawano Admiral, JMSDF



VICE CHIEF OF NAVAL OPERATIONS REPUBLIC OF KOREA NAVY

8 October 2012

Dear Tan Sri Admiral Abdul Aziz Jaafar,

I would like to convey my sincere gratitude for your warm welcome and hospitality during our visit to Malaysia. The carefully administered WPNS Program displayed the high caliber of the Royal Malaysian Navy and provided me a beautiful experience which will last in my memory. Our meeting, during which we discussed the cooperation in the defense industry and other fields and agreed on the need to strengthen our collaborative relationship, was a valuable fruit of this visit.

I am committed to further solidifying the military cooperation between our Navies, and would like to ask for your continued interest and support to this end.

I would like to reiterate my deep appreciation for your continued interest in the Republic of Korea Navy. I wish you and the Royal Malaysian Navy continued prosperity.

Sincerely yours,

VADM Huang, Ki-Chul Vice Chief of Naval Operations Republic of Korea Navy

Tan Sri Admiral Abdul Aziz bin Haji Jaafar Chief of Navy Royal Malaysian Navy

Simposium kali ini juga telah berjaya menggariskan pelan jangka panjang bagi penganjuran aktiviti di bawah WPNS sehingga tahun 2022. TLDM turut bersetuju untuk menganjurkan Seminar Senior Enlisted Working Group pada tahun 2014.

Simposium pada kali ini turut melakar satu lagi sejarah di mana sebanyak 76 perbincangan dua hala berjaya dilaksanakan. Kesemua Ketua Delegasi telah menyatakan buat pertama kalinya mereka berupaya melaksanakan perbincangan dua hala dengan sebegini banyak di dalam sesuatu seminar mahupun persidangan.

TLDM juga telah mengaturkan satu sesi lawatan sehari ke negeri Melaka kerana mempunyai tempat bersejarah yang menjadi tumpuan pelancong. Lawatan ini juga dilihat sebagai langkah mempromosikan negeri Melaka melalui konsep Naval Tourism.

Kesemua delegasi berpuas hati dengan perjalanan persidangan serta layanan dan kemudahan yang disediakan. TLDM turut berbangga di mana negara Thailand yang akan menjadi tuan rumah Woksyp WPNS 2013 dan negara China yang sekali gus akan menganjur Woksyp WPNS 2014 serta Simposium WPNS Ke-14, amat tertarik dengan konsep persidangan pada kali ini dan berniat menggunakan template persidangan ini sebagai panduan penganjuran di negara masing-masing.

Hasil perancangan yang rapi, staf yang efisien dan kepimpinan yang dinamik menjadi tunjang kejayaan dan kelancaran penganjuran woksyp dan simposium persidangan yang bertaraf dunia ini. Kejayaan ini turut dikecapi hasil kesediaan rakan strategik TLDM (MTU, BNS, Thales, Star Fest, Maficom dan Pak Abu Decoration) yang banyak menyumbang sepanjang penganjurannya. Kejayaan yang ditempa ini telah memberi ruang yang cukup bermakna dan pengalaman yang amat berguna bagi TLDM dalam menuju ke arah World Class Navy dan menjadi organisasi yang disegani oleh negara serantau.



TLDM Muncul Juara SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN LIMA KALI BERTURUT-TURUT

Tentera Laut Diraja Malaysia sekali lagi pada tahun ini melakar kejayaan muncul Juara Sukan Antara Perkhidmatan buat lima kali berturut-turut sejak tahun 2008. Rentetan dari kejayaan tersebut, Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan TLDM 2011 telah dianjurkan pada 9 Julai 2012 bertempat di Auditorium M. Sidek Shabuddin, KD PELANDOK. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin bin Ali, Timbalan Panglima Tentera Laut. Majlis ini bertujuan untuk mengiktiraf kejayaan, sumbangan serta kecemerlangan atlet-atlet TLDM dalam mengharumkan nama TLDM di persada nasional dan antarabangsa.

Persatuan Sukan Memanah telah dianugerahkan sebagai Persatuan Sukan Terbaik TLDM berdasarkan pencapaian persatuan pada 2011 telah melahirkan atlet-atlet yang berpotensi dan mengharumkan nama ATM, negeri dan negara. TLDM juga telah muncul sebagai Juara sebanyak lima kali pada Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan.

Tokoh Jurulatih Sukan TLDM dianugerahkan kepada BK TLS Adnan bin Ahmad dari Persatuan Sukan Memanah. Anugerah diberi berdasarkan pencapaian beliau dalam melatih serta melahirkan atlet muda yang cemerlang sehingga ke peringkat antarabangsa. Beliau juga dilantik sebagai jurulatih dalam kategori *Compound* di 17th Asian Archery Championships di Taheran dan Temasya Sukan SEA di Palembang.

Anugerah Olahragawan TLDM telah diberikan kepada LK I PRL Mohd Zaki bin Mahazan dalam sukan memanah di atas kejayaan beliau meraih dua pingat Perak dan satu pingat Gangsa manakala Olahragawati TLDM diberikan kepada Lt Nur Suryani binti Mohd

Taibi TLDM dalam sukan menembak di mana beliau merupakan atlet wanita pertama negara yang berjaya layak ke Sukan Olimpik di London dalam kategori Rifle. Olahragawan dan Olahragawati TLDM masing-masing menerima Piala Iringan berserta wang tunai sebanyak RM 3,000.00.

Selain itu, YBhg Laksamana Muda Dato' Musa bin Omar telah

dianugerahkan Tokoh Sukan TLDM 2011 di atas penglibatan dan komitmen beliau yang berjaya menjulang nama TLDM, ATM dan negara di peringkat antarabangsa. Di majlis yang sama, seramai 32 orang atlet telah menerima Sijil Penghargaan, 41 orang menerima Lambang Perak, 36 orang telah menerima Lambang Emas manakala tujuh persatuan sukan diberikan Insentif Kecemerlangan Sukan.

TAHUN	PERKHIDMATAN	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
1993		TLDM	TDM	TUDM
1994		TDM	TLDM	TUDM
1995		TDM	TLDM	TUDM
1996		TDM	TLDM	TUDM
1997		TDM	TLDM	TUDM
1998		TDM	TLDM	TUDM
1999		TDM	TLDM	TUDM
2000		TDM	TLDM	TUDM
2001		TDM	TLDM	TUDM
2002		TDM	TLDM	TUDM
2003		TDM	TLDM	TUDM
2004		TDM	TLDM	TUDM
2005		TDM	TLDM	TUDM
2006		TDM	TLDM	TUDM
2008		TLDM	TDM	TUDM
2009		TLDM	TDM	TUDM
2010		TLDM	TDM	TUDM
2011		TLDM	TDM	TUDM
2012		TLDM	TDM	TUDM

Rajah menunjukkan Juara Sukan Antara Perkhidmatan mengikut tahun





SPB Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Piala Pusnigan Juara Sukan Antara Perkhidmatan ATM kepada Panglima Tentera Laut

KEPUTUSAN KEJOHANAN SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM 2012 MENGIKUT ACARA			
ACARA SUKAN	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
Menembak Lelaki	Laut	Udara	Darat
Menembak Wanita	Laut	Darat	Udara
Hoki Lelaki	Darat	Laut	Udara
Hoki Wanita	Darat	Laut	Udara
Payung Terjun	Laut	Udara	Darat
Sepak Takraw	Laut	Darat	Udara
Tenis	Darat	Laut	Udara
Ping Pong	Darat	Laut	Udara
Bola Jaring	Laut	Darat	Udara
Memamah	Laut	Darat	Udara
Bina Badan	laut	Udara	Darat
Badminton	Laut	Darat	Udara
Taekwando	Laut	Darat	Udara
Ragbi	Udara	Darat	Laut
Kriket Lelaki	Udara	Laut	Darat
Kriket Wanita	Laut	Udara	Darat
Bola Keranjang	Darat	Udara	Laut
Olahraga Lelaki	Laut	Darat	Udara
Olahraga Wanita	Laut	Darat	Udara
Bola Sepak	Darat	Laut	Udara
Renang	Darat	Laut	Udara
Polo Air	Laut	Darat	Udara
Tinju	Darat	Udara	Laut
Bola Tampar Lelaki	Laut	Darat	Udara
Bola Tampar Wanita	Laut	Darat	Udara
Squasy Lelaki	Laut	Darat	Udara
Squasy Wanita	Darat	Laut	Udara
Lumba Basikal	Laut	Darat	Udara
Golf	Laut	Darat	Udara

KEPUTUSAN KESELURUHAN KEJOHANAN SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM 2012				
PERKHIDMATAN	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA	KEDUDUKAN
LAUT	18	8	3	1
DARAT	9	15	5	2
UDARA	2	6	21	3



LK I SITI HANISAH WANITA MALAYSIA PERTAMA BERJAYA TAKLUK PUNCAK TERTINGGI BENUA EROPAH

Oleh: P/PW II PRL Normahally Mohd Nor

TLDM terus mengukir bintang dengan kelahiran demi kelahiran jenama baru dalam sejarah kegemilangannya sejak 78 tahun lalu. Terbaru, Laskar Kelas I Siti Hanisah Sharuddin, 22 telah menjulang nama pasukan ini dengan melakar sejarah sebagai wanita Malaysia pertama berjaya menaiki Gunung Elbrus, puncak tertinggi di benua Eropah 13 Jun lalu. Dengan ketinggian 5,642 meter dari paras laut, Gunung yang terletak di Rusia ini tergolong di antara tujuh puncak tertinggi di tujuh benua dunia.

Kejayaan manis ini membawa Siti Hanisah yang lebih mesra dipanggil Hanis ke misi seterusnya iaitu menjejak tujuh puncak untuk menaiki Gunung Kilimanjaro, puncak tertinggi di benua Afrika Oktober ini sebelum berjaya menawan puncak tertinggi dunia, Gunung Everest.



Turut berjaya menjejakkan kaki ke puncak Gunung Elbrus ialah enam pendaki pengiring yang lain manakala 11 pendaki selebihnya gagal menamatkan pendakian.

Berasal dari Felda Jelai 1, Gemas, Negeri Sembilan, Hanis merupakan pendaki pengiring kepada Muhamad Muqharabin Mokhtarrudin (Qobin), 30, pendaki negara yang dalam misi menamatkan pendakian di tujuh puncak tertinggi di tujuh benua dunia. Ini ialah sebahagian daripada Projek Ekspedisi 7 Puncak 7 Benua 7 Nilai atau dikenali 7 Summit's Expedition.

Meskipun Hanis merupakan atlet jalan kaki kebangsaan, namun ini tidak merantai keazaman gadis cekal ini untuk mencuba sesuatu yang baru

sementelah beliau sememangnya berjiwa kental. Bermula awal Mac tahun ini Hanis telah berjinak-jinak dengan aktiviti mendaki, lebih-lebih lagi setelah bertemu Qobin yang menawarkannya untuk menyertai projek mendaki puncak gunung tertinggi di tujuh benua yang berlainan seterusnya menjadi anak Felda pertama terlibat dalam misi itu.

Persetujuan Hanis untuk menyertai projek itu amat menggembirakan Qobin yang telah nampak potensi anak gadis ini sejak bertemunya di Kompleks Sukan Bukit Jalil untuk projek berbasikal mengelilingi dunia pada tahun 2005. Kesungguhan Hanis dan melihat kemampuan fizikal gadis itu, meyakinkan Qobin

bahawa gadis itu mampu dibentuk untuk menjadi pendaki negara.

Bangga menjadi anak Felda pertama berjaya sampai ke puncak, Hanis amat berterima kasih kepada Qobin yang telah memperkenalkan kepadanya aktiviti mencabar itu.

"Saya sangat baru dalam dunia mendaki gunung. Saya mula mendaki sejak awal tahun ini iaitu sejak mula mengenali Qobin," ujarnya.

Menurutnya, sejak memberi persetujuan kepada Qobin untuk turut sama menyertai projek mendaki gunung, beliau mula menjalani latihan di beberapa gunung dalam negara seperti Gunung Bunga Buah

di Pahang, Gunung Berembun di Terengganu dan Gunung Kinabalu di Sabah sebelum menjejakkan kaki ke puncak Elbrus.

Memiliki tubuh yang kecil tidak menghalang gadis ini melakukan aktiviti lasak kerana beliau mempunyai kecergasan dan stamina yang tinggi sebagai seorang pendaki.

Menceritakan pengalaman pertama mendaki gunung bersalji tebal, Hanis mengakui ianya amat mengujakan.

"Memang penat mendaki gunung, tetapi banyak pengalaman dan ilmu baru diperolehi termasuk memakai but dan *crampon* (pengapit tapak kasut berpaku) yang betul, cara mengawal pernafasan ketika mendaki di altitud tinggi, cara berjalan di laluan bersalji dan lain-lain," katanya yang memulakan pendakian dari Pashtukov Rocks (4,700 meter/15,350 kaki) ke puncak Gunung Elbrus pada jam 4.45 pagi pada 13 Jun lalu.

Beliau tiba di puncak tertinggi di benua Eropah itu tepat jam 2.45 petang, bermakna masa yang

diambilnya untuk tiba ke puncak tersebut adalah 10 jam.

Setibanya di puncak katanya, perkara pertama yang dilakukan ialah mengucapkan syukur kepada ke hadrat Ilahi kerana mengizinkannya menjejakkan kaki ke puncak Elbrus.

"Tanpa izinNya, saya tidak akan sampai ke puncak. Selain itu, sokongan rakan-rakan turut menyemarakkan semangat saya," ujarnya lagi sambil turut menyebut nama jurulatihnya, Mohd Azam Abu Hashim sebagai orang yang bertanggungjawab di sebalik tabir kejayaannya kerana jurulatihnya itu tidak pernah putus asa memberi latihan kepadanya di Sekolah Menengah Jelai.

Menyambung ceritanya, pengalaman terlelap semasa sedang mendaki memang sukar dilupakan. Paras oksigen yang rendah membuatkan Hanis dan rakan-rakan sering rasa mengantuk dan tidak dapat mengawalinya membuatkan mereka terpaksa berhenti seketika untuk melelapkan mata.

"Tambahan pula kami mendaki secara berkumpulan. Tidak boleh naik berseorangan dan meninggalkan kawan-kawan yang lain. Siapa yang berada di hadapan, kena tunggu kawan-kawan di belakang dan semasa menunggu itulah perasaan mengantuk tidak boleh ditahan-tahan," katanya sambil ketawa.

Hanis mengakhiri perbualan dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada pucuk pimpinan tertinggi TLDM yang telah memberi beliau peluang merasai pengalaman mendaki gunung seterusnya membuka ruang untuknya terus berjaya di dalam bidang yang diminatinya.



PERBARISAN ISTIADAT SAMBUTAN HARI TLDM KE-78



Tanggal 27 April tarikh keramat buat warga Tentera Laut Diraja Malaysia bagi meraikan ulang tahun penubuhan salah satu cabang perkhidmatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Sambutan Hari TLDM pada kali ini adalah bertemakan 'Warga Berinovasi, Menjana Transformasi'

Berbagai-bagai aktiviti telah diadakan sempena dengan sambutan ulang tahun ini. Salah satu dari aktiviti tersebut adalah Perbarisan Istiadat Hari Tentera Laut Diraja Malaysia Ke-78 yang diadakan di Padang Kawad KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Pada tahun ini, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar sekali lagi telah menyempurnakan pengambilan tabik hormat perbarisan tersebut.

Perbarisan ini diketuai oleh Komander Rosli bin Mokri TLDM dari Markas Bantuan melibatkan 4 panji-panji yang telah dianugerahkan kepada KD PELANDOK, KD MALAYA, KD

PANGLIMA HITAM dan KD RAJAWALI serta 8 kontinjen terdiri daripada 88 orang pegawai dan 569 orang anggota lain-lain pangkat dan diiringi oleh Pancaragam Pusat TLDM. Dalam perbarisan ini, Panglima Tentera Laut turut menyempurnakan penyampaian anugerah dan cenderamata kepada pemenang-pemenang yang telah dipilih.

Tema sambutan kali ini 'Warga Berinovasi, Menjana Transformasi' adalah sejajar dengan usaha TLDM untuk melaksanakan transformasi di dalam TLDM melalui pembudayaan inovasi. TLDM sebagai sebuah organisasi yang kompetitif, perlu melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dalam segala aspek pementapan keupayaan

organisasi. Penerapan budaya inovasi di kalangan warga amat penting dalam menghasilkan warga yang berfikiran kreatif serta mampu menjana idea-idea yang akan memberi impak positif kepada TLDM serta mampu meningkatkan lagi tahap kualiti dan keberhasilan yang dihasratkan ke arah menjadi sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia.

ANUGERAH DAN PIALA

1. Anugerah Pujian Panglima Tentera Laut

- a. KD MAHAWANGSA
- b. KD JEBAT
- c. KD LEKIU
- d. KD KELANTAN
- e. KD LEKIR



f. Kepten Jamel bin Abd Rahman TLDM, Pegawai Memerintah KD MAHAWANGSA.

g. Leftenan Komander Mohamad Sham bin Saimon TLDM, Juruterbang Operasi Pesawat Super Lynx MK 100 dari Skuadron 501.

h. Leftenan Komander Fairul bin Mohd Shukor TLDM, Juruterbang Operasi Pesawat Super Lynx MK 100 dari Skuadron 501.

2. Anugerah Bintang Terbaik TLDM 2011 - Bintang Muda JTP Mohd Aidil bin Othman dari KD LAKSAMANA HANG NADIM.

3. Anugerah Laskar Terbaik TLDM 2011 - Laskar Kelas 1 PLM Khairul Amin bin Ahmad Fadzil dari Markas Wilayah Laut 1.

4. Pemenang Piala Agong (Piala ini dianugerahkan oleh SPB Yang di-Pertuan Agong kepada kapal yang mencapai tahap pengoperasian tertinggi setiap tahun) - KD LEKIU.

5. Pemenang Piala Gonzales (Piala ini dianugerahkan oleh mantan Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Ahmad

Ghazali bin Mohd Seth kepada kapal yang memperolehi markah tertinggi dalam audit pemeriksaan tahunan) - KD PERANTAU.

6. Pemenang Piala Pujian Panglima Tentera Laut (Piala ini dianugerahkan setiap tahun kepada kapal yang memperolehi markah tertinggi dalam sistem persenjataan dan kawalan pada tahun tersebut) - KD LEKIU.

7. Pemenang Pertandingan Mengarang Esei Maritim TLDM – Leftenan Komander Faizal bin Hamzah TLDM dari KD SULTAN IDRIS 1 dengan esei yang bertajuk *China Rising Power In South China Sea*.

Program-program berikut dilaksanakan sempena Sambutan Hari TLDM.

1. Projek Jiwa Murni 'Bersamamu TV3'.
2. Projek Jiwa Murni.
3. Program Bersama Media.
4. Program Derma Darah.
5. Majlis Meraikan Anak-Anak Yatim di KD MAHAWANGSA.
6. Perbarisan Hari TLDM.
7. Hari Terbuka Pangkalan dan Kapal Dibuka Untuk Lawatan Umum.
 - a. Pangkalan TLDM, Lumut: 27 & 28 Apr 2012 (Jumaat & Sabtu)
 - b. MAWILLA 1: Majlis Resepsi Kapal (28 Apr 12, Sabtu).
 - c. MAWILLA 3: Majlis Resepsi Kapal (27 Apr 12, Jumaat).
8. Bacaan Yassin dan Tahlil.

9. Karnival Halal di Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut, Perak.

10. Lawatan ke 96 HAT LUMUT.

11. Khutbah Khas Hari TLDM.

12. Majlis Meraikan Balu-Balu TLDM.

a. Majlis Merasmikan Kompleks Memanah.

b. Lawatan ke PPDK dan Perasmian Kolam Hidroterapi.

c. Majlis Perasmian Blok H.

d. Pelancaran Walkathon Srikandi Nusa Malaysia.



SAMBUTAN HARI TLDM KE-78 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu



Kota Kinabalu, 27 Apr – Seluruh warga TLDM hari ini meraikan Sambutan Hari Tentera Laut Diraja Malaysia Ke-78. Sambutan Hari TLDM pada tahun ini yang bertemakan 'Warga Berinovasi, Menjana Transformasi' telah diadakan di padang kawad KD SRI KOTA KINABALU (KDSKK).

Sambutan ini turut dihadiri oleh pesara TLDM yang telah menabur jasa dan bakti kepada TLDM sebelum ini. Sambutan yang diadakan di KDSKK ini telah bermula sekitar jam 7.30 pagi turut disertai penjawat awam yang berkhidmat di pangkalan ini.

Sambutan Hari TLDM Ke-78 ini telah bermula dengan upacara perbarisan yang terdiri daripada 8 platon iaitu 256 anggota dari seluruh unit di pangkalan ini. Selain itu, Panglima Wilayah Laut 2, YBhg Laksamana Muda Dato' Mohammad Rosland Omar turut menyampaikan utusan daripada Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Jaafar.

Tema yang telah dipilih oleh TLDM ini merupakan satu manifestasi TLDM ke arah mencapai visi TLDM iaitu Tentera Laut Bertaraf Dunia. Selain itu, Intipati utusan Panglima Tentera Laut yang telah disampaikan kepada seluruh warga TLDM Kota Kinabalu telah menyentuh aspek budaya berinovasi, *Professionalisme* dan *Whistle Blower*. Kandungan Budaya Inovasi mengkehendaki setiap individu perlu mempunyai daya pemikiran di luar kotak atau '*Think Out of The Box*'.



Dalam menyambut sambutan Hari TLDM Ke-78 ini, pelbagai acara menarik telah diaturkan oleh TLDM seperti program jiwa murni, program menderma darah, acara sembahyang dan keagamaan dan pameran kapal TLDM yang dibuka kepada orang awam. Setiap program yang diaturkan diharap akan mendapat sambutan hangat daripada orang awam dan masyarakat tempatan yang berkunjung kerana mereka boleh membawa keluarga untuk melihat sendiri kapal-kapal dan aset-aset TLDM.

Beberapa projek pembangunan dalam memastikan keselesaan warga sentiasa berada di tahap yang terbaik seperti pembangunan KD SRI SANDAKAN Fasa 3 dan Projek Pembinaan Bangunan Pentadbiran KD SRI TAWAU yang sedang dilaksanakan dengan lancar. TLDM juga akan terus berusaha untuk memastikan rancangan projek pembangunan baru iaitu projek perumahan di Kota Kinabalu akan menjadi kenyataan. TLDM akan mencuba pelbagai usaha dan pendekatan termasuklah cadangan pembinaan bangunan ini dapat direalisasikan.

TLDM turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri



Sabah, Kementerian Pertahanan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan swasta, pihak berkuasa tempatan juga rakan TDM, TUDM, APMM, PDRM dan para media yang sentiasa menyokong aktiviti dan memberi liputan media terhadap aktiviti TLDM yang dilaksanakan.



Lawatan Editor Kanan Media Ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu



Oleh: LK I PBK Ahmad Tarmizi bin Zainol

Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengambil inisiatif memupuk kerjasama erat dengan agensi media tempatan dengan menjemput editor kanan, wartawan dan jurugambar dari agensi-agensinya media cetak dan elektronik tempatan untuk membuat lawatan ke sekitar Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK), Sabah. Delegasi ini telah disertai seramai 80 orang peserta dan ketibaan mereka telah disambut oleh Panglima Wilayah Laut 2, YBhg Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohammad Rosland Omar, Panglima Angkatan Kapal Selam (PAKS) YBhg Laksamana Pertama Abdul Rahman bin Ayob, Ketua Staf Markas Wilayah Laut 2 (KS) Kept Mohd Yusri bin Hj Mohd Yunus TLDM, Pegawai-Pegawai Memerintah, Pegawai-Pegawai Kanan serta seluruh warga *The Navy People* di PTKK.

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi turut meluangkan masa bersama delegasi membuat lawatan untuk melihat dengan lebih dekat aset-aset yang dimiliki oleh Tentera Laut



Diraja Malaysia. Di antara lokasi yang dilawati KD TUNKU ABDUL RAHMAN, KD PERAK serta Pusat Selam PTKK.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi maklumat sebenar mengenai kemampuan aset-aset TLDM melaksanakan operasi menjaga keselamatan perairan negara. Semasa dibawa melawat kapal selam pertama negara KD TUNKU ABDUL RAHMAN, delegasi sangat teruja serta yakin dengan kemampuan yang dimiliki oleh krew KD TUNKU ABDUL RAHMAN dalam mengendalikan aset yang canggih ini. Berhubung tohmahan dan fitnah yang yang dirujuk kepada tahap pengoperasian aset-aset TLDM khususnya kapal selam, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar berasa amat kecewa serta menasihatkan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab supaya menghentikan perbuatan tersebut.

Delegasi seterusnya dibawa ke Wisma Kejora bagi menikmati jamuan makan tengah hari bersama-sama Panglima Tentera Laut. Turut hadir memeriahkan majlis adalah Panglima Wilayah Laut 2 dan Panglima Angkatan Kapal Selam. Pada sebelah malam pula, satu Majlis Barbeku telah dianjurkan bagi mengalu-alukan kedatangan delegasi buat julung-julung kalinya. Walau bagaimanapun Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tidak dapat menghadiri



majlis ini kerana mempunyai tugas yang lain. Panglima Tentera Laut sangat teruja dan gembira dengan kehadiran seramai 22 orang editor kanan dalam majlis tersebut. Ia merupakan kehadiran yang paling ramai melibatkan editor kanan sejak ia diperkenalkan. Sambil menikmati jamuan yang disediakan,

para media telah dihiburkan oleh Quintet TLDM yang didatangkan khas dari Pangkalan TLDM Lumut. Semasa majlis tersebut, Panglima Tentera Laut telah menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan menembak Pistol Glock yang telah berlangsung pada sebelah pagi Kompleks Menembak PTKK, Sabah yang melibatkan pihak media dan anggota TLDM. Selain itu, Panglima Tentera Laut juga turut menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada wakil-wakil media yang hadir.





'NITE OF THE CHIEFS' PERTEMUKAN 9 PUCUK PIMPINAN TERTINGGI TLDM

Artikel: P/PW II PRL Normahaily binti Mohd Nor Foto: LK PNK Azamie bin Ab Rahim



Dari Kiri : Laksamana (B) Tan Sri Ramlan Mohamed Ali (PTL Ke-10), Laksamana (B) Datuk Mohd Ramly bin Bakar (PTL Ke-7), Laksamana (B) Tan Sri Dato' Seri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (PTL Ke-8), Laksamana Muda (B) Tan Sri K. Thanabalasingam (PTL Pertama), Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar (PTL Ke-11), Laksamana Madya (B) Tan Sri Abdul Wahab bin Haji Nawaj (PTL Ke-3), Laksamana Madya (B) Dato' Seri Ahmad Ramli bin Haji Mohd Nor (PTL Ke-5), Laksamana (B) Tan Sri Dato' Seri Abu Bakar bin Abdul Jamal (PTL Ke-6), Laksamana (B) Tan Sri Ilyas bin Haji Din (PTL Ke-9)

Majlis meraikan mantan-mantan Panglima Angkatan Tentera (PAT) dan Panglima Perkhidmatan yang telah diadakan di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 9 November lalu telah melakar sejarah tersendiri sebagai acara pertama yang dilestarikan di premis itu.

Menariknya, majlis ini telah menyaksikan pertemuan yang penuh bermakna di antara lapan orang bekas Panglima Tentera Laut (PTL) bersama Panglima Tentera Laut, YBhg Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar. Majlis yang julung kalinya diadakan itu bukan sahaja menggamit memori yang lalu, bahkan meninggalkan kenangan begitu manis buat semua mantan pemimpin tertinggi yang hadir. Majlis 'Nite of The Chiefs' ini diadakan sebagai pengiktirafan atas

sumbangan dan khidmat bakti cemerlang yang telah dicurahkan oleh mereka kepada negara dan perkhidmatan.

Menurut Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, majlis tersebut adalah tanda ingatan yang sentiasa segar terhadap pemimpin terdahulu yang banyak menyumbang bakti dengan gaya kepimpinan dan perspektif tersendiri. Variasi kepimpinan itu katanya, menyerlahkan daya inovatif dan kreativiti pemimpin terdahulu yang terbukti pragmatik dalam merencana hala tuju bagi menggerakkan pemerintahan masing-masing, sejajar dengan aspirasi pertahanan negara. Menurut beliau lagi, visi yang diilhamkan mantan pemimpin tertinggi itu telah diadaptasi dan terus diguna pakai hingga ke hari ini. Malah percantuman idea dan inisiatif antara kepimpinan terdahulu dengan sekarang telah dapat memantapkan lagi proses transformasi angkatan yang kini sedang giat direalisasikan iaitu

Fourth Dimension Malaysian Armed (4D MAF).

Semasa majlis tersebut, Menteri Pertahanan, YB. Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang hadir sebagai tetamu kehormat telah menyempurnakan penganugerahan Keahlian Kehormat Wisma Perwira ATM kepada pucuk pimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan serta mantan PAT dan Panglima Perkhidmatan. Anugerah ini merupakan tanda penghargaan atas sumbangan mereka terhadap pembangunan organisasi dan fasilitas Wisma Perwira ATM. Dengan keahlian tersebut, diharapkan segala pengalaman mantan pemimpin tertinggi tersebut dapat dimanfaatkan dalam usaha memartabatkan Wisma Perwira ATM sebagai organisasi yang cemerlang dan disegani.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri Meriah di Bukit Laksamana

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada



Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, penghuni Bukit Laksamana, Pangkalan TLDM Lumut, tidak ketinggalan untuk mengadakan Rumah Terbuka sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 2 September yang lalu. Selain menyambut aidilfitri yang mulia ini, majlis ini juga bertujuan mengeratkan hubungan silatur rahim antara pegawai dan anggota TLDM yang biasanya jarang mempunyai masa untuk beramah mesra kerana kesibukan dan kekangan tugas masing-masing.

Panglima Armada, YBhg Laksamana Madya Dato' Abdul Hadi bin A. Rashid, Panglima Sistem, YBhg Laksamana Muda Dato' Khairuddin bin Hj Khalid dan Panglima Bantuan, YBhg Laksamana Pertama Abdul Aziz bin Mohd Sani selaku pemerintah tertinggi di unit-unit di Pangkalan TLDM Lumut menunjukkan keprihatinan dalam mengetengahkan budaya 'warga didahulukan' dengan menjemput seluruh warga pangkalan ke majlis tersebut.

Antara jemputan kehormat yang turut hadir memeriahkan majlis adalah Menteri Pengangkutan, YB Dato Seri Kong Cho Ha, Orang Besar Jajahan Manjung, Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Sri Amar Bangsa Diraja, Datuk Ab Wahab Datuk Seri Azizul Hassan dan para jemputan yang terdiri daripada Navy People dan orang awam.

Majlis ini juga membuktikan bahawa pihak pengurusan tertinggi TLDM komited dalam menjalin hubungan yang mesra dengan warganya dan tidak pernah lupa akan jasa-jasa dan pengorbanan yang dicurahkan oleh setiap anggota TLDM. Sekaligus menjalin hubungan yang mesra agar dapat menjadikan perkhidmatan lebih cemerlang dan gemilang.

Dalam sambutan ini juga, anak-anak warga pangkalan yang hadir turut diberi 'duit raya' sekaligus menambahkan lagi keceriaan sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini. Diharapkan agar penganjuran majlis ini dapat meningkatkan lagi kualiti kerja Tentera Laut Diraja Malaysia dan mengeratkan lagi hubungan antara seluruh warga TLDM.





NAVY P MAYAL





PEOPLE



PROGRAM KORBAN DAN AKIKAH

Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha di Pangkalan TLDM Lumut



Oleh: LK I TNL Mohd Radhi bin Awang

Aidiladha juga diberi gelaran sebagai Hari Raya Haji kerana ia diraikan ketika umat Islam mengerjakan salah satu dari amal ibadah yang termasuk di dalam rukun Islam yang lima, iaitu ibadah haji. Di samping itu, Aidiladha juga dikenali sebagai hari raya korban kerana antara syiar semasa merayakannya adalah mengorbankan haiwan seperti unta, lembu, kambing dan biri-biri. Ibadah korban dilakukan sempena memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim A.S yang sanggup menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail A.S kerana taat kepada perintah ALLAH. Namun, berkat kesabaran serta ketaatan kedua-dua ayah dan anak ini maka ALLAH telah menggantikannya dengan seekor kibas ketika Nabi Ibrahim sudah bersedia menyembelih anaknya itu.

Bertempat di perkarangan Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut, Perak telah diadakan satu Program Korban dan Akikah sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada 26 Okt. yang lalu. Acara penyembelihan lembu korban bermula seawal jam 9.00 pagi setelah selesai sahaja Solat Sunat Aidiladha. Majlis

turut diserikan dengan kehadiran Panglima Armada, YBhg Laksamana Madya Dato' Abd Hadi bin A. Rashid, Panglima Sistem Armada, YBhg Laksamana Muda Dato' Khairuddin bin Khalid, Ketua Staf Markas Armada, YBhg Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Hj Mohamad Adib bin Abdul Samad serta Warga Pangkalan TLDM Lumut. Acara dimulakan dengan



penyerahan pisau penyembelih yang disampaikan oleh Panglima Armada kepada Ketua Tim Penyembelih iaitu Mejar Fauzi bin Mohamad. Pada tahun ini, sebanyak 20 ekor lembu telah dikorbankan di mana tiga ekor



lembu telah disumbangkan oleh Menteri Besar Perak, YAB Datuk Seri Dr. Zambry bin Abdul Kadir manakala

seekor lagi disumbangkan oleh Ahli Parlimen Lumut, YB. Dato' Kong Cho Ha. Acara penyembelihan ini disempurnakan dengan kerjasama oleh Ahli Jawatankuasa Jemaah



Pengurusan Masjid bersama warga pangkalan. Atur cara majlis diteruskan dengan acara melapah daging korban kemudiannya telah diagihkan kepada peserta dan Warga Pangkalan. Majlis yang sering kali diadakan setiap tahun ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan di kalangan Warga di Pangkalan TLDM Lumut secara tidak langsung dapat mendidik warga TLDM dalam menyemai sikap kerjasama dan hubungan silatur rahim di kalangan warga TLDM di Pangkalan TLDM Lumut ini.



OSTEX 2012

TINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN TLDM DALAM PEPERANGAN MARITIM



Lumut, 2 Jul 12- Majlis Pembukaan *Operational Sea Training Exercise (OSTEX) 2012* telah disempurnakan oleh Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Abd Hadi bin A. Rashid di Pusat Taktis Maritim, Pangkalan TLDM Lumut. Turut hadir Ketua Staf Markas Armada, YBhg Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Hj Mohamad Adib bin Abdul Samad dan anggota yang terlibat di dalam eksesais ini.

OSTEX 2012 melibatkan secara langsung aset TLDM yang terdiri daripada lapan buah kapal iaitu KD JEBAT, KD LEKIU, KD SELANGOR, KD KELANTAN, KD PAHANG, KD PERAK dan KD MAHAMIRU, sebuah aset strategik negara, kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN, sebuah helikopter *Super Lynx* dan sebuah helikopter FENNEC.

Selain daripada aset-aset TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga bakal menyumbang dalam pelaksanaan latihan gabungan TLDM ini dengan menugaskan dua buah pesawat pejuang HAWK, sebuah pesawat *Maritime Patrol Aircraft (MPA)* dan sebuah pesawat CN235.

Panglima Armada dalam ucapannya menyatakan bahawa dengan perlaksanaan eksesais ini memberi kesempatan untuk kita menguji keberkesanan peralatan dan keupayaan Tim Pemerintah kapal. Peluang untuk beroperasi dalam satu Gugus Tugas jarang diperolehi dan kesempatan ini harus dimanfaatkan semaksimum mungkin bagi meningkatkan tahap kecekapan dan prestasi setiap warga kapal. Beliau juga yakin eksesais ini dapat membantu anggota-anggota TLDM dalam menilai keberkesanan latihan individu, tim dan kapal serta menguji keupayaan kerjasama setiap warga yang terlibat.

Beliau juga menegaskan dalam melaksanakan eksesais ini, hendaklah sentiasa memberi keutamaan dan perhatian serius serta tidak berkompromi dalam aspek keselamatan. Ini bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Ambil iktibar dari kejadian yang telah berlaku dan elakkannya dari berulang. Lazimnya kemalangan-adalah-berpunca-daripada-kecuaian-manusia.

Setiap peringkat pegawai dan anggota juga diingatkan supaya lebih berhati-hati dalam melaksanakan tugas. Jangan sesekali mengamalkan sikap ambil mudah atau '*taking things for granted and allow complacency to set in*' semasa menjalankan tugas. Beliau juga berharap agar Pegawai Memerintah, Pegawai-pegawai, Bintara-bintara serta semua yang terlibat di dalam eksesais ini memainkan peranan masing-masing supaya tiada sebarang insiden yang tidak diingini berlaku.

Di akhir ucapan, Panglima Armada menegaskan dan berharap supaya semua yang terlibat dalam eksesais ini akan berusaha bersungguh-sungguh dan memperoleh manfaat sepenuhnya dari latihan yang dirancang dan bakal dilaksanakan. Segala kekangan yang ada pada aset yang telah berusia jangan dijadikan alasan untuk tidak melakukan yang terbaik dan melaksanakan eksesais dengan lancar seterusnya mencapai objektif yang digariskan.

PENGALAMAN BERHARGA SEORANG PELAUT MUDA:

Penceritaan pengalaman seorang pegawai muda belayar bersama kapal TLDM

Oleh: Pegawai Kadet Graduan Marlani binti Mohamad Rafali



Setelah hampir 8 bulan menjalani rutin refit di limbungan, akhirnya KLD TUNAS SAMUDERA kembali beroperasi dan menjalani rutin pelayarannya seperti biasa. KLD TUNAS SAMUDERA baru sahaja selesai menjalani Latihan Penyesuaian Laut (LPL) dengan pencapaian yang membanggakan.

Program pelayaran seterusnya ialah membawa kumpulan pelatih pertama bagi tahun 2012 ke Pulau Langkawi. Kumpulan ini dianggotai oleh 30 orang anak kapal dan turut disertai 10 orang Pegawai Kadet Graduan Pengambilan Ke-20 (KKPG-20). Sejumlah dua orang pegawai dan seorang bintara dari KD SULTAN IDRIS 1 ditugaskan

untuk mengikuti pelayaran bertindak sebagai jurulatih bagi mengkoordinasikan latihan di kapal.

Menurut Pegawai Memerintah, Komander Hazlan bin Hazumi TLDM, pelayaran pada kali ini merupakan saat yang dinanti-nantikan bagi seluruh warga kapal kerana ianya merupakan pelayaran sulung bagi sebahagian besar anak kapal yang baru memasuki kekuatan kapal selain bertujuan untuk memastikan kesiagaan kapal dan juga anak-anak kapal berada di tahap yang tinggi.

Bagi Pelatih KKPG-20, PKG Norkhalis, pelayaran bersama kapal TLDM buat pertama kali membuatkan beliau amat teruja dan tidak mahu mensia-siakan pengalaman yang berharga belayar bersama KLD

TUNAS SAMUDERA. Manakala bagi PKG Siti Aishah, perasaan mual dan pening sukar untuk dielakkan kerana gelombang laut yang tidak menentu namun semua itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus menjalani setiap aktiviti yang dijalankan sepanjang pelayaran. Sebenarnya, ianya



banyak membantu beliau untuk lebih bersedia dengan apa jua keadaan terutamanya jika diperjawatkan di kapal pada masa hadapan.

Sepanjang pelayaran ini, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan latihan para pelatih mahupun anak-anak kapal. Setiap pelatih telah diajar dan diberi taklimat tentang langkah-langkah keselamatan sepanjang berada di kapal. Aktiviti memanjat tiang layar, membuka dan menggulung layar, meniup *boatswain's call*, serta aktiviti riadah petang bersama seluruh warga kapal telah dilaksanakan bagi mengeratkan silaturrahim selain memastikan seluruh warga kapal sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan cuaca buruk di laut.

Bagi Pelatih KKPG-20, ini merupakan pelayaran yang pertama mereka sepanjang bergelar anggota TLDM dan ianya menjadi batu loncatan untuk mereka menjalani latihan bersama kapal-kapal TLDM yang lain. Ketahanan mental dan fizikal amat diperlukan sebagai persediaan bagi menghadapi pelbagai situasi dan sebagai pemimpin, kita harus bijak mengawal keadaan supaya setiap keputusan tidak diambil berdasarkan emosi semata-mata.

KLD TUNAS SAMUDERA yang merupakan satu-satunya kapal layar milik TLDM telah menjadi platform latihan bagi warga TLDM dan turut memberi peluang kepada orang awam merasai pengalaman belayar mengharungi samudera. Justeru, kesiapsiagaan kapal serta seluruh warganya amat dititikberatkan bagi membolehkan KLD TUNAS SAMUDERA terus beroperasi menyumbang bakti kepada negara dan TLDM.



Latihan Jasmani bagi mengekalkan tahap kecergasan di kapal



Penumpuan diperlukan ketika menjalani latihan tali-temali



Kesungguhan jurulatih memberi tunjuk-ajar kepada pelatih



Future Assets Capabilities: In Fullfilling Multi-Layers Defence Requirements



Edited By: Cdr Ahmad Sapuan Fathi Bin Hj Muhammad RMN

The Naval Strike Missile (NSM) is an anti-ship and land-attack missile developed by the Norwegian company Kongsberg Defense & Aerospace (KDA). The original Norwegian name was Ny sjømålsmissil (literally New sea target missile, indicating that it is the successor of the Penguin missile); the English marketing name Naval Strike Missile was adopted later.

NSM is an autonomous, long-range, precision missile designed to engage high-value, well-defended targets at sea and ashore. The NSM is the only 5th generation long range precision strike missile in existence today. The missile combines unsurpassed penetration capability due to 'low observable' shape, super sea skim, high-G random manoeuvres and I3R (intelligent imaging infra red) seeker with Autonomous Target Recognition (ATR) providing programmable hit-point and optimized fuse-setting.

Development

The Naval Strike Missile's initial serial production contract was signed in June 2007. It has been chosen by the Royal Norwegian Navy for its new Fridtjof Nansen Class Frigates and Skjold Class Patrol Boats. In December 2008, the NSM was selected by the Polish Navy, which ordered total 50 land-based missiles (including 2 for testing) under deals from 2008 and 2011, with delivery planned for 2013-2016.

The final milestone was complete in June 2011 with test at Point Mugu on 12 April 2011, the Norwegian Ministry of Defence announced phase 2 of development.

Design and Features

The state-of-art design and use of composite material is meant



NSM is designed for littoral waters as well as open sea

to give the missile sophisticated stealth capabilities. The missile is weighted slightly more than 400 kg and have a range of at least 200 km. NSM is designed for littoral waters ('brown water') as well as for open sea ('green and blue water') scenarios.

Like its Penguin predecessor, NSM is able to fly over and around landmasses, travel in the sea skim mode, and then make random manoeuvres in the terminal phase, making it harder to stop by enemy countermeasures. While the Penguin is yaw-to-turn missile, NSM is based on bank-to-turn flight.

NSM is used against sea and land-based targets in littoral and open sea environments. The target selection technology provides NSM with the capacity for independent detection, recognition, and discrimination

of targets at sea or on the coast. This is possible by the combination of an imaging infrared (IIR) seeker and an onboard target database. NSM is able to navigate by GPS, inertial and terrain reference systems.


After being launched into the air by a solid rocket booster which is jettisoned upon burning



NSM is one of the modern sea skimming missile

out, the missile is propelled to its target in high subsonic speed by a turbojet sustainers engine leaving the 125 kg multi-purpose blast/fragmentation warhead to do its work, which in case of a ship target means impacting the ship at or near the water line. The NSM is installed on Nansen Class Frigates, Skjold Class Missile Fast Patrol Boats and in service as Polish coastal batteries.

On October 10th 2012, Royal Norwegian Navy marked history by firing an NSM anti-ship missile from a surface vessel for the first time. The vessel was HNoMS Glimt, Skjold class coastal corvette. Five days later, on October 15th 2012, another NSM missile was launched from HNoMS Roald Amundsen, Nansen class Frigate. Both firing tests were reported as successful.



Sea Sparrow Missile (ESSM)

The Evolved SeaSparrow Missile (ESSM) is a medium range missile intended to provide self-protection for surface ships dan convoys. It will provide each ship with the capability to engage a variety of Anti-ship Cruise Missiles (ASCMs) and aircraft as well as surface targets to support self-defence. ESSM is a coordinated effort with numerous nations in the North Atlantic Treaty Organization (NATO). This coordinated effort allows all NATO countries to have the same self-defence capabilities and at the same time, reduce the cost to each country associated with developing and testing new systems.

Evolved SeaSparrow Missile is an improved version of the RIM-7 missile with a new rocket motor, associated tail control section, new warhead, and guidance upgrades. A faster missile with an improved payload and range, the ESSM will have enhanced capability to destroy next generation Anti-Ship Cruise Missiles. It will be more capable against low observable highly manoeuvrable missiles, have longer range, and can make

flight corrections via radar and mid-course uplinks. The ESSM is an international cooperative effort being designed to cooperate with current and future fire control systems and with the capability of being fired from three existing missile launchers. On Aegis ships, ESSM will be launched from the MK 41 Vertical Launcher System, requiring a thrust vector control on the ESSM rocket. On non-Aegis ships (aircraft carriers, amphibious assault ships, other surface combatants), it will be fired from other launch systems.

ESSM uses an 8 inch diameter fore-body that includes a modified guidance section from the in-service RIM-7P Sea Sparrow. The guidance section, which includes a radome-protected antenna for semi-active homing, attaches to a new warhead section. The fore-body is attached to 10 inch diameter rocket motor which provides higher thrust for longer duration than predecessor Sea Sparrow Missiles. ESSM will use skid-to-turn steering (tail control) whereas earlier Sea Sparrows were wing-controlled. ESSM will retain capability against manoeuvring anti-ship missiles.

The new RIM-7P software features advanced guidance algorithms that enable Sea Sparrow to counter the most formidable threats. The missile's Improved Low Altitude Guidance (LAG) mode makes the RIM-7P exceptionally effective against very low altitude threats, such as sea skimming cruise missiles. In addition, the missile has proven to highly effective in stressing Electronic Attack (EA) environments.

A Jet Vane Control (JVC) unit allows the RIM-7P to be vertically launched. The JVC unit rotates the missile immediately after it has cleared a ship's superstructure, cancels the missiles' initial upward velocity, and controls transition to the initial intercept path. Once the seeker is pointing towards the target, the JVC is jettisoned. Vertical launch capability provides quick-reaction, 360-degree defence and eliminates trainable firing restrictions and time consuming slew requirements.

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada

TLDM sekali lagi membuktikan tahap kesiagaannya di tahap tertinggi dengan kejayaan penembakan peluru berpandu atau misil dari permukaan ke sasaran udara (*surface to air*) di Perairan Selat Melaka pada 23 Oktober 2012. Penembakan misil jenis *Vertical Launch Seawolf* (VLSW) ini telah dilancarkan dari platform kapal Kelas Frigate, Kapal Diraja (KD) LEKIU ke sasaran udara TGX-2 yang ditunda oleh pesawat Learjet 35A.

Penembakan misil Seawolf telah dilancarkan sewaktu siri latihan bulanan Armada TLDM iaitu siri Perang Pangkor 9/2012 yang dilaksanakan sekitar Perairan Selat Melaka Utara. Dalam penembakan pagi semalam, Seawolf dari KD LEKIU telah berjaya mengenai dan memusnahkan sasaran pada jarak, ketinggian dan kelajuan sepertimana yang telah diprogramkan. Seawolf mempunyai panjang 2.995 meter dengan berat 136.5 kilogram boleh meluncur pada kelajuan sehingga 333 meter sesaat serta boleh beroperasi dalam apa juga keadaan cuaca. Ia berupaya memusnahkan sasaran udara seperti jet pejuang dan peluru berpandu.

Kejayaan penembakan ini nyata telah sekali lagi membuktikan keupayaan aset dan sistem persenjataan TLDM berada ditahap yang amat meyakinkan. Ia juga sekaligus menzahirkan kepada dunia bahawa keupayaan perang TLDM dan kompetensi perancang latihan, pengendali, pengurusan, penyelenggaraan dan pengoperasian aset Armada TLDM, berada ditahap kesiagaan yang tinggi dan terlatih.

Pada tahun ini, TLDM pada 20 September 2012, telah berjaya melancarkan misil jenis Exocet MM40 dari KD LEKIU dan misil jenis Sea Skua dari helikopter TLDM jenis Super Lynx dalam Penembakan Bersepadu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama TUDM dan TDM dalam Eksesais ANGSA 7/2012.

Dalam menentukan kejayaan operasi penembakan kali ini, pelbagai aset dan unit TLDM telah terlibat dengan pelbagai tugas yang telah ditetapkan. Antara tugas yang dilaksanakan ialah perancangan latihan, tinjauan dan pembersihan kawasan, penyediaan misil dan rakaman serta analisis. Aset dan unit TLDM yang terlibat antaranya ialah Markas Armada, Depot Peluru

PELANCARAN MISIL SEAWOLF BUKTI KESIAGAAN TINGGI TLDM



dan Letupan, KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN, KD SELANGOR, *Combat Boat* (CB) 90, pesawat Super Lynx, pesawat Fennec dan Tim Rakaman dan Analisis dari *Weapon Trial and Assesment Team* (WTAT) dari Markas Sistem Armada serta Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertahanan (STRIDE), Kementerian Pertahanan.

Kejayaan penembakan misil Seawolf dari KD LEKIU sekali lagi telah melakarkan nama ATM dan TLDM khasnya sebagai angkatan tentera yang wajar digeruni di rantau ini.





PROJEK JIWA MURNI ERATKAN HUBUNGAN TLDM DAN KOMUNITI MARITIM

Lumut, 28 Apr – Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar telah meluangkan masa hadir ke Projek Jiwa Murni yang dilaksanakan di Jeti Kg. Masjid, Pulau Pangkor. Turut hadir Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir dan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Kong Cho Ha bersama 11 orang Laksamana TLDM.

Sempena dengan Sambutan Hari TLDM Ke-78 ini yang bertemakan 'Warga Berinovasi, Menjana Transformasi', TLDM telah mengadakan satu Program Jiwa Murni bersama penduduk Kg. Masjid, Pulau Pangkor. Program ini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara TLDM dengan masyarakat setempat. Ianya juga bertepatan untuk mempromosikan TLDM melalui program khidmat masyarakat.

Program jiwa murni ini telah bermula pada 22 Apr hingga 28 Apr 12. Program selama 7 hari ini telah disertai seramai 61 anggota termasuk pegawai yang bertugas di Pangkalan TLDM Lumut. Anggota TLDM dan penduduk Kg. Masjid telah bersama-sama berganding bahu untuk mencapai objektif dan matlamat program ini.

Antara pengisian program ini adalah kerja-kerja baik pulih jeti yang rosak untuk kegunaan para nelayan dan penduduk kampung, pembersihan kawasan tepi pantai, pembersihan dataran takraw, melancarkan saliran peparitan yang tersumbat dan penebangan pokok-pokok yang condong bagi keselamatan penduduk.

Dengan kepadatan penduduk seramai 545 orang dari pelbagai kaum, jeti sepanjang 250 meter dan 2 bagan telah siap dibuat penambahbaikan. Penduduk kampung kelihatan ceria dengan kerjasama ini sedikit sebanyak telah memberi kemudahan kepada mereka dalam menjalankan aktiviti seharian.



Sambutan Hari Hidrografi Sedunia: Pusat Hidrografi Nasional Anjur Hari Terbuka



Hampir 5,000 pengunjung telah hadir pada hari pertama Hari Terbuka Hidrografi yang diadakan pada 30 dan 31 Jun 2012 di Pusat Hidrografi Nasional (PHN) Pulau Indah, Pelabuhan Klang. Tujuan hari terbuka ini diadakan adalah untuk memperkenalkan bidang hidrografi serta menerangkan tugas dan tanggungjawab PHN kepada masyarakat umum.





Hari Terbuka ini telah dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar. Panglima Tentera Laut ketika ditemuramah oleh pihak media selepas merasmikan Hari Terbuka Hidrografi melahirkan rasa syukur dan gembira di atas sambutan yang begitu menggalakkan dari orang ramai.

Para pengunjung berpeluang melawat dua buah kapal TLDM iaitu KD PERANTAU dan KD KELANTAN di samping berpeluang melihat pesawat *Super Lynx* dengan lebih dekat. Pada masa yang sama, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang program ini seperti pertunjukan pentas oleh Kombo Gelombang Biru TLDM, senamrobik bersama keluarga, pemeriksaan kesihatan, pameran (peralatan, produk, perkhidmatan dan kerjaya), pertandingan *Paintball*, futsal, mewarna, *soopa doopa*, sukaneka dan lain-lain.





LAWATAN PASANGAN PESERTA PERSIDANGAN WPNS DI SEKITAR KUALA LUMPUR

Oleh: Lt Muda Nurfaizrah Abd Fajil, PSSTLDM

Tentera Laut Diraja Malaysia telah melakarkan sejarah kerana telah terpilih sebagai tuan rumah kepada Simposium WPNS Ke-13 yang berlangsung pada 24 hingga 28 September 2012 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Simposium ini telah disertai perwakilan dari 24 buah negara-negara ahli dan pemerhati. Perwakilan ini diketuai oleh Panglima Tentera Laut atau wakil serta perwakilan dari Negara masing-masing. Simposium ini dianggap istimewa kerana turut diserikan lagi dengan kehadiran pasangan pemimpin tertinggi Tentera Laut dari 12 buah negara. Justeru, Sel Wanifa TLDM peserta BAKAT Laut Pusat telah dipertanggungjawabkan untuk mengkoordinasi program yang bersesuaian bagi meraikan delegasi tamunita yang hadir di sekitar Kuala Lumpur.

Delegasi yang diketuai isteri kepada Panglima Tentera Laut, YBhg Puan Sri Sarah Ab Ghafar memulakan aktiviti lawatan pada 25 September 2012 seawal jam 9.30 pagi dengan membuat lawatan ke Sasana Kijang. Terdapat dua tempat menarik yang boleh dilawati di sini iaitu Galeri Seni dan Galeri Numismatik. Galeri Seni memaparkan hasil karya pelukis-pelukis dan pengkarya seni terkenal negara. Manakala Galeri Numismatik mempamerkan sejarah wang negara dan pelbagai wang dari segenap pelusuk dunia.

Selesai lawatan di Sasana Kijang,

delegasi meneruskan perjalanan ke Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Rombongan disambut oleh Pengurus Memorial Tunku Abdul Rahman Putra iaitu Encik Ismail bin Saleh dan pegawai serta kakitangan daripada Arkib Negara. Para peserta majoritinya amat tertarik dengan sejarah kegemilangan Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Memorial terdiri daripada galeri pameran yang memaparkan pelbagai bahan seperti dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar dan baju yang dipakai oleh Tunku semasa pentadbiran beliau. Delegasi turut membuat lawatan ke rumah Tunku Abdul Rahman yang mempamerkan ruang tamu, bilik tidur, bilik perjumpaan, bilik tetamu serta Pejabat Rasmi Tunku.

Lawatan selesai sekitar jam 12.40 tengah hari dan rombongan menikmati makan tengah hari di Restoran Sudu, Hotel Hilton Kuala Lumpur. Sepanjang makan tengah hari, delegasi dihiburkan dengan lagu dari negara masing-masing yang dipilih sendiri oleh YBhg Puan Sri Sarah Ab Ghafar.

Lawatan pada hari kedua iaitu 26 September 2012 dimulakan sekitar jam 9.00 pagi di Royal Selangor Pewter. Ketibaan rombongan disambut oleh salah seorang Pengarah Royal Selangor Pewter sendiri iaitu Datin Paduka Chen Mun Kuen juga merupakan cucu kepada peneroka pertama pewter di Malaysia. Delegasi dibawa melawat



YBhg Puan Sri Sarah Ab Ghafar memberikan bunga kepada Datin Noor Fatimah Ishak selepas Persembahan Peragaan Fesyen Batik Malaysia.

pameran bahan-bahan dan barangan pewter serta kedai cenderahati. Sebelum itu, ahli rombongan dibawa melihat Buaya Tembaga yang merupakan antara salah satu tarikan yang dipamerkan di sana. Lebih mengujakan lagi apabila delegasi tamunita juga diberi peluang untuk mencuba sendiri cara-cara membuat pewter di dalam *School of Hard Knocks*. Selesai lawatan di Royal Selangor Pewter, rombongan meneruskan perjalanan ke Komplek Kraf Kuala Lumpur. Delegasi telah diberi peluang melihat lebih dekat lagi keunikan dan kecantikan produk kraf tempatan yang mempunyai nilai estetika tersendiri. Kompleks Kraf Kuala Lumpur menjadi aspirasi aktiviti kraf negara yang meliputi pemasaran, pendidikan, pembudayaan dan pemakanan setempat

serta dipenuhi dengan pelbagai aktiviti kraf yang beridentitikan Malaysia.

Rombongan juga telah dibawa ke pusat jualan kraf yang menawarkan kepelbagaian jualan produk kraf tempatan di Kedai Karyaneka. Barangan yang dijual ialah produk kraf yang meliputi hadiah dan cenderamata, pakaian dan aksesori, kemas dan perhiasan rumah serta perabot dari pelbagai bidang kraf. Setiap delegasi telah diberi cenderahati yang terdiri daripada hasil karya Kompleks Kraf sendiri.

Lawatan selesai sekitar jam 12.30 tengah hari dan delegasi bergerak pulang ke hotel untuk menyertai pasangan masing-masing bagi menghadiri Majlis Makan Tengah hari yang diadakan di Taman Mahsuri, Hotel Royale Chulan. Majlis Makan Tengah hari dimulakan dengan persembahan kebudayaan

oleh anggota BAKES TLDM. Sambil para tetamu menikmati hidangan yang disediakan, Kugiran Gelombang Biru telah menghiburkan para tetamu dengan lagu-lagu sentimental dan rancak. Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan Peragaan Fesyen Batik Malaysia hasil rekaan Butik Deanoor yang dimiliki oleh Datin Noor Fatimah Ishak iaitu isteri kepada Panglima Armada, YBhg Laksamana Madya Dato' Abd Hadi A. Rashid. Rekaan butik tersebut telah terkenal dan menempa nama di peringkat antarabangsa. Para tetamu telah memberikan tepukan yang gemuruh tanda kagum dan berpuas hati dengan persembahan tersebut. Dari riak wajah mereka jelas menunjukkan bahawa mereka sememangnya teruja dan kagum

dengan kemeriahan serta kelancaran majlis. Majlis makan tengah hari selesai sekitar jam 2.15 petang.

Sesungguhnya pengalaman sepanjang program ini telah memberi memori yang amat manis buat para tamunita luar negara. Ini diucapkan sendiri oleh kebanyakan tamunita yang hadir. Pengalaman mengkoordinasikan program ini di peringkat persiapan dan pelaksanaan juga memberi satu kepuasan kepada pegawai dan staf yang terlibat apabila program berjalan dengan lancar.



Para delegasi tamunita telah diberi peluang melihat lebih dekat lagi keunikan dan kecantikan produk kraf tempatan yang mempunyai nilai estetika tersendiri.



Para delegasi tamunita semasa sesi fotografi di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra.



Kelibaan rombongan disambut oleh salah seorang Pengarah Royal Selangor Pewter sendiri iaitu Datin Paduka Chen Mun Kuen.



Delegasi tamunita juga diberi peluang untuk mencuba sendiri cara-cara membuat pewter didalam School of Hard Knocks.



YBhg Puan Sri Sarah Ab Ghafar bersama delegasi tamunita semasa majlis makan tengah hari di Taman Mahsuri Hotel Royale Chulan.



Model menggayakan busana batik bermotifkan flora dan fauna.

MAJLIS MERAIKAN ANAK-ANAK YATIM DI KD MAHAWANGSA



Program bagi meraikan anak-anak yatim pada tahun ini telah dianjurkan oleh Markas Armada pada 26 April 2012 bertempat di KD MAHAWANGSA. Seramai 109 anak-anak yatim berumur 6 hingga 17 tahun telah menyertai pelayaran pada kali ini. Turut serta dalam pelayaran ini adalah Ketua Staf Markas Armada, Yang Berbahagia Laksamana Pertama Datuk Khairul Anuar bin Yahya dan isteri.



Program ini adalah bertujuan untuk menaikkan moral dan semangat kanak-kanak yang kurang bernasib baik serta memberi pendedahan kepada dunia maritim. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang pelayaran sekitar perairan Pulau Pangkor seperti acara sukaneka, persembahan nyanyian daripada Kumpulan Quintet Badan Kesenian TLDM, lawatan ke persekitaran dan bahagian-bahagian kapal serta sesi bergambar bersama anak-anak kapal. Program ini turut diserikan dengan kehadiran pelawak terkenal Mazlan bin Ahmad atau lebih dikenali dengan (Lan Pet-Pet). Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut

dan isteri turut berkesempatan menyampaikan cenderamata kepada anak-anak yatim tersebut semasa mengiringi kanak-kanak tersebut menaiki kapal seterusnya belayar bersama KD MAHAWANGSA.





Penembakan Peluru Berpandu & Raket: EKS ANGSA PAMER KEUPAYAAN TEMPUR ATM



ANGSA adalah singkatan **Angkasa dan Samudera** yang merupakan gabungan dua eksekutis utama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Eksekutis ANGSA merupakan eksekutis tahunan yang melibatkan TLDM dan TUDM serta elemen Tentera Darat Malaysia (TDM). Eksekutis ini telah diadakan sejak tahun 2006 dan ia telah dilaksanakan secara CPX (*Command Post Exercise*) dan FTX (*Field Training Exercise*) serta dihoskan secara bergilir-gilir antara kedua-dua perkhidmatan. Pangkalan Udara Butterworth telah dipilih untuk menjadi lokasi utama eksekutis yang telah memasuki edisi ketujuh ini.

Bagi edisi kali ini, buat pertama kalinya CPX dan FTX telah dilaksanakan secara serentak yang membabitkan penumpuan kepada STAFFEX (*Staff Exercise*) dan pelaksanaan CPX menggunakan JTLS (*Joint Theatre Level System*) manakala FTX tertumpu kepada pelaksanaan secara bersama di peringkat taktikal dan menggunakan kaedah SOE Driven (*Schedule of Event*).

Tujuan utama eksekutis kali ini

adalah bagi menilai keupayaan bersama (TUDM dan TLDM) dalam operasi maritim dan udara.

Objektifnya adalah:

- a. Menilai kesiapsiagaan TUDM dan TLDM.
- b. Meningkatkan keserasian (*interoperability*) pasukan bersama (TUDM dan TLDM).
- c. Meningkatkan perhubungan di antara pihak awam dengan angkatan tentera.

Eksekutis yang telah dilaksanakan mulai 10 September hingga 28 September 2012 adalah kesinambungan daripada Eks

ANGSA 6/2011 bagi menguji keberkesanan pelaksanaan operasi dengan menggunakan JTLS sebagai medium untuk tujuan simulasi. Pada masa yang sama, pelaksanaan eksekutis ini mendukung aspirasi kerajaan dengan mengoptimumkan penggunaan aset-aset ATM yang sedia ada merangkumi infrastruktur, peralatan dan kemudahan serta meminimumkan penyewaan bagi mengurangkan kos perbelanjaan.

Namun begitu, skala dan pencapaian objektif masih tidak terjejas walaupun konsep perbelanjaan berhemah dilaksanakan walaupun skala eksekutis pada siri kali ini adalah merupakan yang terbesar jika dibandingkan dengan siri-siri yang lepas. Di samping itu,





eksesais ini juga bertujuan untuk menilai kesiagaan operasi TUDM dan TLDM serta bertujuan untuk meningkatkan keupayaan taktikal bagi pengoperasian bersama di dalam menangani spektrum konflik maritim berdasarkan kepada persekitaran konflik semasa.

Eks ANGSA 7/2012 merupakan satu platform bagi menilai pelaksanaan operasi dan latihan berdasarkan kepada SOP (*Standard Operating Procedure*) bagi pengoperasian aset tempur udara, laut dan darat dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM serta menguji keberkesanan SOP berkenaan mengikut keperluan semasa. Pelaksanaan eksesais ini dapat mempertingkatkan dan memperkukuhkan keupayaan daya tahan (*sustainability*) dan kesiapsiagaan ketiga-tiga cabang perkhidmatan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya. Kemampuan dan kecekapan pengurusan *combat logistic* serta *domestic logistic* merupakan antara elemen yang juga dinilai melalui pelaksanaan eksesais ini.

Dalam pelaksanaan eksesais kali ini, ATM telah berjaya melaksanakan penembakan misil dan roket secara bersepadu di Utara Perairan Selat Melaka. Penembakan yang dilancarkan dari platform penembakan yang berbeza ini telah berjaya mengenai sasaran di permukaan pada jarak dan kelajuan yang diprogramkan.

TUDM telah melancarkan misil jenis Maverick dan Harpoon dari pesawat pejuang F/A-18D Hornet, manakala

TLDM pula melancarkan misil jenis EXOCET MM40 dari Kapal Diraja (KD) LEKIU dan misil jenis Sea Skua dari helikopter TLDM iaitu Super Lynx. Sementara itu pasukan 51 Rejimen Artileri Diraja TDM pula telah melancarkan Sistem Roket Lancar Berganda ASTROS II dari tapak penembakan di Tanjung Antu, Segari, Perak. Kesemua penembakan ini telah berjaya mengenai tepat dan memusnahkan sasaran.

Selain itu, salah satu aktiviti yang telah dilaksanakan di dalam eksesais kali ini adalah Program Jiwa Murni yang merupakan salah satu daripada aktiviti kemasyarakatan peserta eksesais. Ia dilaksanakan dengan konsep *Military Outreach Programme* bertujuan untuk mewujudkan dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan masyarakat awam. Bagi tujuan itu, Pusat Pendidikan dalam Komuniti (PPDK) An Nur Paya Keladi, Kepala Batas telah dipilih untuk program kali ini. PPDK An Nur Paya Keladi ini menempatkan seramai lebih kurang 35 orang OKU yang masing-masing adalah terdiri daripada kanak-kanak dan orang dewasa di kawasan sekitar Kepala Batas. Selain itu juga, pendekatan atau program ketenteraan di kawasan pedalaman telah diguna pakai ATM khususnya oleh peserta Eks ANGSA.

Di dalam program yang dianjurkan ini, TUDM dan TLDM telah memberikan bantuan dari segi menyediakan kemudahan satu unit *water dispenser*, menggantikan pagar baru bagi kawasan sekeliling premis dan mengecat bangunan

yang agak usang serta bergotong-royong membersihkan keseluruhan kawasan PPDK tersebut. Seramai 50 orang pegawai dan anggota lain-lain pangkat yang juga merupakan peserta eksekutif telah terlibat dalam program jiwa murni yang telah bermula sejak 25 September 2012. Majlis simbolik penyerahan *water dispenser* oleh Timbalan Eks ANGSA iaitu YBhg Laksamana Pertama Chin Yoon Chin kepada wakil penerima bagi pihak PPDK An Nur Paya keladi iaitu Pengarah JKM Pulau Pinang, Encik Zukifli bin Ismail telah diadakan pada 27 September 2012.

Semua peringkat pegawai dan anggota yang terlibat telah mempamerkan semangat dan komitmen yang tinggi bagi memastikan tahap kesiagaan semua elemen di tahap terbaik. Kejayaan mengoperasikan aset dari pelbagai kategori secara bersama dalam satu eksekutif adalah bukti keberkesanan latihan yang dilalui oleh semua peringkat pegawai dan anggota. Kerjasama sebagai satu pasukan yang ditunjukkan oleh semua peserta eksekutif merupakan kunci utama kepada kejayaan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.



KENANGAN TERINDAH DELIGASI WPNS DI MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH



Sumber: Perhubungan Awam Markas Tentera Laut

Berpeluang menjejakkan kaki ke bumi Melaka Bandaraya Bersejarah menyimpul kenangan yang cukup bermakna buat delegasi WPNS semasa lawatan ke Bandaraya Melaka pada 27 September 2012. Keunikan yang terdapat di negeri ini begitu memukau dan menarik minat mereka untuk terus menjejak tempat-tempat menarik di sini.

Lawatan sehari ke negeri kelahiran Hang Tuah ini merupakan salah satu program sampingan sebagai pengisian sempena *Western Pacific Naval Symposium* (WPNS) yang telah berlangsung pada 24 hingga 28 September 2012.

Setibanya di Melaka dari Kuala Lumpur, delegasi yang diketuai Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar singgah di Hotel Puri yang terletak di Jalan Tan Cheng Lock untuk menikmati jamuan ringan.

Mereka seterusnya berpeluang melawat ke Rumah Mendiang Tun Tan Cheng Lock seterusnya bergerak ke Jonker Walk dengan menaiki beca. Satu pengalaman

menarik bagi para delegasi luar yang berpeluang menaiki beca sambil menikmati pemandangan sekitar Jonker Walk atau Jalan Hang Jebat yang merupakan 'jantung hati' Kota Melaka lama. Di sini terdapatnya galeri seni, kedai antik, kedai tukang emas, kedai membaiki jam, pengeluar kasut manik dan kedai makan. Ianya turut digelar *Chinatown* kerana majoriti peniaga berketurunan Tionghua. Di sini, mereka turut menikmati cendol di Restoran The Tree sebelum ke A'Famosa.


Rombongan kemudiannya dibawa melihat artifak kesenian Melayu Melaka di Istana Melaka seterusnya menikmati panorama Bandaraya Melaka dari Menara Taming Sari pada ketinggian 80 meter dari paras laut. Seterusnya, delegasi bergerak ke Hotel Casa Del Rio untuk makan tengah hari yang dihoskan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Apa yang lebih menarik, semua delegasi berpeluang menaiki bot sambil menyelusuri Sungai Melaka dari Jeti River Cruise Hotel Casa Del Rio ke Jeti Taman Rempah sebelum pulang ke Kuala Lumpur. Pengalaman yang sukar dilupakan ini

pastinya tersemat di sanubari setiap delegasi WPNS dan menggamit mereka untuk berkunjung lagi ke Melaka pada masa yang akan datang.



PROGRAM PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



Program Pemimpin Bersama Rakyat telah diadakan di Padang Apartment A16, Pangkalan TLDM, Lumut. Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr Zambry bin Abdul Kadir selaku ADUN Pangkor bersama-sama Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Kong Cho Ha selaku Ahli Parlimen Lumut telah meluangkan masa untuk bersama penghuni Apartment A, B dan C untuk program tersebut. Acara dimulakan pada jam 8.30 pagi dengan senamrobik bersama-sama dengan 5,000 orang tetamu yang hadir.

Acara diteruskan dengan ucapan Menteri Besar Perak serta penyampaian sumbangan sejumlah wang kepada 37 orang wakil penghuni Apartment A dan 11 wakil penghuni Apartment B. Selain itu, kanak-kanak yang hadir turut menerima sumbangan sejumlah wang.

Seterusnya para jemputan telah menjamu selera dengan hidangan yang telah disediakan oleh penganjur. Sambil menjamu selera program diserikan lagi dengan acara cabutan



REKREASI

bertuah yang ditaja sendiri oleh Menteri Besar Perak. Pelbagai hadiah menarik telah disediakan.

Seterusnya pada jam 4.00 petang program diteruskan dengan Majlis Minum Petang Bersama Menteri Besar Perak di KD MAHAWANGSA. Program itu disertai oleh Panglima Armada, Panglima Sistem Armada, Panglima Bantuan, Pegawai Memerintah Kapal dan Pangkalan serta pegawai dan Warga KD MAHAWANGSA. Menteri Besar Perak telah memberikan ucapan dan seterusnya menyampaikan sumbangan berbentuk kewangan kepada Pegawai Memerintah yang hadir pada majlis tersebut. Setelah selesai, para hadirin dijemput untuk menikmati jamuan petang yang telah disediakan oleh KD MAHAWANGSA. Majlis jamuan petang ini selesai pada jam 6.00 petang.





PERLAWANAN AKHIR PIALA ZAIN



Lumut, 28 Apr 12 - Perlawanan Akhir Piala Zain menyaksikan pasukan Markas Tentera Laut (MK TL) B berjaya menewaskan MAWILLA 1 sekaligus dinobatkan sebagai Juara Kejuhanan Piala Zain 2012. Perlawanan yang melibatkan hampir setiap unit dan formasi dalam TLDM merupakan satu kejohanan yang mampu mencungkil bakat anggota TLDM.

Perlawanan akhir yang berlangsung sempena hari TLDM ini bermula pada jam 8.00 malam di Stadium Pangkalan TLDM Lumut. Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar bersama Panglima Armada, YBhg Dato' Abd Hadi bin A. Rashid telah menendang bola ke arah penonton sebagai simbolik permulaan perlawanan yang berprestij ini.



Perlawanan yang dihadiri oleh majoritinya warga Pangkalan TLDM Lumut menjadi semakin hangat apabila Mohd Rosdi, pemain MK TL B membuat jaringan pada minit-minit awal perlawanan. Perlawanan separuh masa pertama

tamat dengan MK TL B mendahului 1-0. Perlawanan semakin memihak kepada MK TL B apabila Sharul Nizam telah menjaringkan gol kedua MK TL B pada minit Ke-75 perlawanan. MAWILLA 1 hanya mampu merapatkan kedudukan pada minit Ke-90 tetapi terpaksa

upacara penyampaian hadiah kepada pemenang oleh Panglima Tentera Laut. Selain penyampaian hadiah dan piala pusingan kepada MK TL B, BM PNK Mohamad Roshidi bin Idris dari Armada turut mendapat pengiktirafan sebagai penjaring terbanyak dengan jaringan sebanyak 6 gol sepanjang kejuhanan Piala Zain 2012.



akur dengan kehebatan MK TL B apabila wisel penamat dibunyikan dan perlawanan berakhir dengan 2-1.

Kejuhanan Piala Zain 2012 telah berakhir dengan rasminya setelah



MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS SUKAN MEMANAH



Lumut, 27 Apr – Bersempena dengan Sambutan Hari TLDM tahun ini, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar telah menyempurnakan perasmian sebuah lagi prasarana sukan yang baru untuk kemudahan *The Navy People* iaitu Kompleks Sukan Memanah.

Ini terbukti bahawa Panglima Tentera Laut begitu serius dalam usaha melahirkan atlet bertaraf dunia untuk kecemerlangan sukan peringkat TLDM khususnya dan peringkat antarabangsa amnya. Ini adalah berdasarkan kejayaan atlet TLDM kini dalam menyumbangkan 25 peratus pingat pada kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bermula dari penggabungan dua persatuan sukan iaitu *Royal Malaysian Navy Shooting Archery Club* yang dipengerusikan oleh Kept (B) Simon Wong, banyak transformasi telah berlaku dalam persatuan ini. Sejak itu, terdapat dua orang atlet iaitu BK JJM Wan Harzuki bin Wan Abdullah dan BK JJM Norizham bin Ishak telah mewakili negara dalam sukan memanah. Berkat kesabaran dan usaha yang berterusan, daripada pihak pengurusan dan atlet, idea untuk membina Kompleks Memanah yang lengkap dengan kemudahan dan boleh menampung penonton seramai 228 orang ini berjaya direalisasikan. Kita berbangga kerana kompleks ini setaraf dengan Kompleks Memanah yang digunakan oleh atlet-atlet kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dengan terbinanya Kompleks Sukan Memanah yang bernilai lebih kurang 21.5 juta ini diharapkan dapat melahirkan warga TLDM yang sihat, cergas, segar, bersemangat tinggi dan mempunyai *sense of belonging* di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab di samping dapat menghindarkan diri dari gejala-gejala tidak sihat.





KEJOHANAN PAYUNG TERJUN TERTUTUP ATM: LUMUT CHALLENGE 2012: 'THE FLYING FROG' PERTAHANKAN KEJUARAAN

Kejohanan yang diadakan 19 hingga 27 Mei 2012 di Padang Terbang Sitiawan melakar sejarah tersendiri apabila Persatuan Payung Terjun TLDM atau dikenali 'The Flying Frog' muncul juara di lapangan sendiri. Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Dato' Seri Kong Cho Ha pada 24 Mei 12 dan turut dihadiri oleh Panglima Armada, Pengarah-pengarah Jabatan Kerajaan Manjung, pegawai kanan ATM dan masyarakat awam sekitar Sitiawan dan Manjung.

Kejohanan disertai 8 buah persatuan/kelab sukan payung

terjun seluruh Malaysia melibatkan sejumlah 128 peserta. Ini merupakan rekod penyertaan paling ramai mengumpulkan penerjun Malaysia dalam satu-satu kejohanan. Sebanyak 4 acara dipertandingkan menggunakan 3 jenis helikopter. Penerjunan dilakukan dari ketinggian 5000-10,000 kaki. TLDM muncul Juara Keseluruhan kali kedua berturut-turut setelah mengungguli 3 dari 4 acara yang dipertandingkan.

Menurut Pengerusi kejohanan, Kdr Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM segala perancangan dan persiapan rapi dilakukan awal Jan 12 agar segalanya berjalan

lancar dan selamat. Cabaran paling utama adalah merencana strategi dan mengekalkan kejuaraan. Kejayaan ini adalah resepi dan komitmen pelbagai pihak iaitu pucuk pimpinan TLDM dan Jabatan Kerajaan Negeri Perak ke arah mempromosikan sukan elit ini dan seterusnya memartabatkan imej TLDM di mata masyarakat umum.

Upacara penutup dirasmikan oleh Panglima Armada TLDM, YBhg Laksamana Madya Dato' Abd Hadi bin A. Rashid pada 27 Mei 12. Lebih unik, Panglima Armada yang berpakaian *jump suit* dibawa menaiki helikopter Mi17, menyaksikan aksi penerjun keluar pesawat (*exit*) dari ketinggian 8000 kaki (*one way ticket*). Panglima Armada seterusnya menyerahkan bendera kejohanan kepada Pengerusi Payung Terjun Tentera Darat Malaysia selaku penganjur kejohanan tahun 2013. Sekalung tahniah buat 'The Flying Frog' dan diharap terus melahirkan barisan atlet berpotensi dan berupaya meneruskan legasi kecemerlangan pada kejohanan akan datang.



TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT TLDM 2012 / 1433H MPL JOHAN KESELURUHAN



Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat TLDM telah berlangsung dengan jayanya di Auditorium M. Sidek Shabudin KD PELANDOK pada 13 Julai 2012.

Seramai 21 orang peserta mewakili setiap Markas telah memperdengarkan bacaan. Markas Pendidikan dan Latihan telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan pada tahun ini. Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut YBhg Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin bin Ali.

Johan mengikut kategori telah menerima wang tunai RM 2000, Piala Iringan, Sijil Penyertaan dan Buku Berjudul Mukmin Profesional. Naib Johan menerima wang tunai RM1,500, Sijil Penyertaan dan Buku

Berjudul Mukmin Profesional. Tempat Ketiga pula menerima wang tunai RM 1,000, Sijil Penyertaan dan Buku Berjudul Mukmin Profesional. Bagi saguhati pula, setiap peserta menerima wang tunai RM300, Sijil Penyertaan dan Buku Bertajuk Himpunan Hadis Modal Insan.

Senarai Pemenang bagi Tilawah Al-Quran Peringkat TLDM pada tahun ini adalah seperti berikut:

Kategori Qari

Tempat Pertama: 824563 BM TME(P) Mohd Hafizan bin Mohamad dari Markas Wilayah Laut 1 – 92%
Tempat Kedua: 817717 BM TNL Murazkhi bin Hj. Termizi dari Markas Pendidikan dan Latihan TLDM – 87%
Tempat Ketiga: 824372 LK TNL (PKM) Zulkernain bin Mohd Nor dari Markas Sistem Armada – 74%

Kategori Qariah

Tempat Pertama: Pn. Hasmiah binti Yusuf dari Formasi Markas Pendidikan dan Latihan TLDM – 89%
Tempat Kedua: Pn. Rozaihan binti Razali dari Formasi Markas Tentera Laut – 74%
Tempat Ketiga: 5500929 LK I KOM Nur Syafirah binti Mohd Radzali dari Markas Wilayah Laut 1 – 61%

Kategori Pegawai

Tempat Pertama: Lt Mohd Arif bin Soef TLDM dari Markas Pendidikan dan Latihan – 91.5%
Tempat Kedua: Lt Mohd Shamram bin Ramli TLDM N/405368 dari Markas Bantuan – 87.5%
Tempat Ketiga: Kdr Mohd Razib bin Tahir TLDM N/402445 dari Markas Wilayah Laut 2 – 86%



Kerana Juwita

Oleh: Dendam Melukut

"Ahh...tak guna!!..." Kassim menghempas telefon Sony Ericsson K500i nya sambil mendengus kuat. Panggilan yang baru diterima sebentar tadi benar-benar membuat hatinya mendidih. Argggghh...boleh jadi gila!

Mana tidaknya, hutangnya keliling pinggang. Estima hitamnya sudah empat bulan tidak berbayar, hampir-hampir nak kena tarik. Kad kreditnya pula dah kena block. Mana nak dicekai duit untuk membayar hutang perabotnya yang serba mewah itu... Pak Samad pula dah bisung-bising, hutang sewa rumah dah tiga bulan tertunggak... "Ahhh! Macam la aku tak mampu nak bayar..." dengus Kassim.

Penat berdiri, Kassim merebahkan tubuhnya yang kurus melengkung itu ke sofa merah di depan televisyen. Bola matanya dibuang jauh-jauh ke luar tingkap. Pandangan yang kosong masih mampu menangkap kelibat tiga anaknya yang berkejaran di bawah pokok jambu di tepi rumah. Seronoknya mereka bermain. Sesekali wajahnya yang sedikit kusam itu diraup perlahan...matanya merah, tanda tidak cukup tidur.

"I'm stuck...macam-macam nak kena bayar. Nak korek kat mana lagi?" Suaranya yang garau sengaja dikeraskan supaya Juwita faham.

"Hai...kan abang banyak duit. Alah...setakat dua ribu, celah gigi aje. Saya nak pakai duit sangat-sangat ni..." regek Juwita di dalam telefon. Perempuan itu memang dah melampau!

"Heyy..awak faham tak hah??...Saya cakap tak ada duit...tak ada duit la... Awak ingat saya ni kerja cap duit ke hari-hari nak support poket awak?" Kassim mula hilang sabar. Juwita yang diangkat sebagai kekasih gelapnya itu benar-benar mencabar jiwa lelakinya. Hari-hari nak duit. Tiap-tiap malam

nak enjoy.

"Wah...sedapnya bahasa. Dulu bukan main lagi. Bila dah dapat, abang buat saya macam sampah oje!" Juwita membentak keras.

Kassim membungkam, fikirannya melayang jauh. Bukan sekali dia berperang mulut dengan perempuan itu, sudah acapkali. Dia sendiri tidak sedar bagaimana boleh terjebak dengan perempuan tidak sedar diri itu. Sudah banyak dia berbelanja, malah dengan pangkat Bintang Kanan yang disandangnya itu sepatutnya dia boleh hidup senang bersama isteri dan anak-anak tetapi dek terlalu mengikut hawa nafsu, dia tewas dengan Juwita, perempuan kelab malam itu.

Kassim masih ingat, dia sampai bergolak bergadai dan sanggup berhutang sana-sini demi memenangi hati Juwita sehingga dia lupa tanggungjawab pada keluarga. Tugasnya di pejabat juga turut terjejas. Dia hilang tumpuan. Kerjanya sering terabai. Anak-anak buah di pejabat sudah lali dengan perangnya yang satu iir. Rasa hormat sudah luntur bersama leburnya maruah bintang itu di mata mereka. Kassim tidak peduli. Padanya itu urusan peribadi yang tak perlu dikongsi dengan sesiapa. Dia memang sudah tiada jiwa untuk bekerja. Hanya batang tubuhnya di pejabat sedangkan fikirannya merayap entah ke mana.

"Abang nak minum?" Lembut suara Misah menyapa cuping telinga Kassim yang hanyut dalam dunianya sendiri. Dia bingkas lalu meneguk air yang dihulur isterinya itu dengan rakus.

"Sudah la tu bang. Buanglah benda-benda tak elok tu. Sepatutnya masa ni kita lebih banyak beri tumpuan pada anak-anak. Yang sudah tu, sudahlah. Mari kita bina hidup baru, apa kata kita pindah dalam base? Lagi mudah, tak payah sewa rumah, api air pun murah," Misah masih tidak berputus

asa memujuk suaminya itu walaupun dia tau akhirnya nanti tubuh kecilnya itu akan menjadi habuan tapak kaki Kassim.

"Hoii!...Apa kau cakap ni? Jangan memandai-mandai nak nasihat aku. Sekolah tak tinggi mana, hidup aku yang tanggung, ada hati nak mengajar aku pulak!" Kassim menyinga. Panas betul hatinya bila diajar-ajar begitu. Misah tersentak.

"Bukan macam tu bang..." Misah gugup melihat Kassim sudah berubah watak. Serentak itu, rambutnya yang tidak terurus direntap kasar oleh Kassim. Misah menyeringai kesakitan. Dia merayu Kassim. Rayuan Misah semakin membakar api kemarahan Kassim lalu rambut Misah yang masih bergumpal dalam genggamannya direntap-rentap lalu kepala Misah yang tergoyang-goyang itu dihentak ke bucu almari. Hentakan yang kuat itu sudah cukup membuatkan Misah kaku lalu rebah ke lantai. Darah pekat menghambur membasahi baju lusuh yang dipakai Misah. Kassim panik. Digoncang-goncang tubuh Misah yang sejuk dan tidak lagi bergerak.

"Ibu!...Nak makan..." tiba-tiba kepala anak sulungnya, Afiq terjengah di muka pintu.

"Ayah...ibu mana...kitorang dah lapar ni...hehehe...nak makan!" Suara ceria Afiq menyebabkan Kassim terkedu.

"Ibu...ibu...laaaa...ibu tidur la dikkk...ibu..nak makan..." Afiq menerpa ke tubuh Misah yang hanya tinggal jasad. Melihat ibu yang berlumuran darah, Afiq tersentak. Raungan Afiq di tengah hari yang hening itu mengejutkan jiran tetangga.

Kassim menghantukkan kepala ke dinding. Menyesal. Tidak tentu arah. Perasaannya bercampur-baur, hampir hilang akal. Tangisan anak-anak membuatkan Kassim bertambah pilu. Air matanya turut menghambur memecah kolam hiba. Namun Kassim sedar, walau menangis air mata darah sekalipun, Misah tidak akan kembali lagi. Pemergian Misah benar-benar memecah ego Kassim. Namun nasi sudah menjadi bubur.

BACAAN SURAH YASSIN DAN CERAMAH AGAMA

Kota Kinabalu, 26 Apr – Kesibukan kita dalam mencari rezeki di bumi ini tidak menghalang umatnya dari menunaikan tuntutan agama kepada setiap makhluk ciptaanNya. Begitu juga seperti kita, makhluk ciptaanNya, tidak terlepas dari menunaikan tanggungjawab. Hari TLDM ke-78 yang disambut pada 27 April 2012 yang bertemakan 'Warga Inovasi, Menjana Transformasi' memberi ruang kepada warga *The Navy People* untuk berkumpul dan mensyariatkan Agama Islam.

Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) turut melaksanakan aktiviti yang bercorak keagamaan dalam menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-78. Warga PTKK telah berkesempatan untuk mengadakan Solat Asar berjemaah seterusnya mengadakan majlis bacaan Surrah Yassin bersama-sama. Program telah bermula pada waktu asar dan selesai sekitar jam 4.30 petang.

Pada sebelah malamnya, program keagamaan ini telah diteruskan dengan ceramah agama yang

tugas terakhir adalah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah.

Ceramah yang telah disampaikan bertajuk Akhlak Mulia Menjadi Teras Tentera Laut Bertaraf Dunia. Antara intipati ceramah yang telah disampaikan ialah kepimpinan, umat Islam, iman, keyakinan, strategi dan Nabi Muhammad S.A.W Sebagai khalifah di muka bumi ini, kita wajib berjuang ke jalanNya dan mencontohi sikap dan akhlak Nabi Muhammad S.A.W. Keperibadian baginda yang mulia wajib dicontohi oleh semua umatnya dalam memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat.



disampaikan oleh ustaz jemputan yang telah diaturkan oleh pihak Masjid Ibnu Battuta. Ustaz Muclish Ali Kasim yang berasal dari Indonesia. Beliau mendapat pendidikan awal di Indonesia dan

Amerika. Perkara ini adalah tidak wajar dijadikan contoh kerana sebagai umat Islam, Islam adalah yang terbaik untuk diikuti dan diamalkan dalam kehidupan seharian manusia.



Warga PTKK merasa amat bertuah dapat mendengar ceramah agama yang disampaikan. Semoga nasihat dan maklumat yang disampaikan akan menjadi panduan dan diamalkan dengan sebaik mungkin.



KHUTBAH KHAS PANGLIMA TENTERA LAUT "WARGA BERINOVASI, MENJANA TRANSFORMASI"

"*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi...*". (firman Allah dalam ayat ke-30 surah Al-Baqarah).

Manusia dilantik sebagai khalifah atau pemimpin untuk melaksanakan tiga misi. Pertama, mengabdikan diri kepada Allah. Kedua, mentadbir dan menjalin hubungan sesama manusia. Ketiga, mentadbir semua makhluk di muka bumi termasuk sumber galian dan sumber air. Justeru, antara sifat terpuji yang perlu ada pada pemimpin yang terpuji ialah amanah. Ia adalah satu unsur kesempurnaan peribadi dan sifat golongan beriman.

Warga Tentera Laut Diraja Malaysia merasa amat berbangga dan bersyukur kerana dikurniakan seorang pemimpin yang bukan sahaja berwibawa dalam menentukan kesiagaan pertahanan negara, malah sentiasa menitikberatkan soal agama dalam menghasilkan Tentera Laut Bertaraf Dunia. Sempena Hari TLDM Ke-78, Panglima Tentera Laut, YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar telah menyampaikan khutbah khas di Masjid An-Nur Pangkalan, TLDM Lumut.

Isi kandungan khutbah yang disampaikan oleh PTL ini berasaskan 'Warga Berinovasi, Menjana Transformasi' iaitu tema Hari TLDM Ke-78. Tema ini dipilih kerana ia merupakan satu manifestasi TLDM ke

arah mencapai visi menjadi 'Tentera Laut Bertaraf Dunia'. Pernyataan ini sudah tentu mempunyai maksud dan hasrat yang perlu diterjemahkan dalam bentuk realiti dan bukan sekadar imaginasi untuk menjana dan menggerakkan warga TLDM ke arah yang lebih dinamik selaras dengan kehendak Allah SWT, supaya umat Islam menjadi umat yang terbaik, berkualiti dan berdaya maju. Pada khutbah ini, turut memetik ayat dari kitab suci Al-Quran, Surah Ali-Imran ayat 110 yang membuktikan bahawa Allah SWT mahu setiap manusia itu sentiasa berfikir dan memanfaatkan akal yang dikurniakan dengan sebaiknya.

'kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (Dengan sebenar-benar iman)'.
Menjana umat yang terbaik menurut perspektif Islam memerlukan panduan dan pedoman yang betul dan kukuh.



Prinsip utama dalam membangun umat dan warga yang berkualiti serta berinovasi, mestilah berpandukan pedoman Al-Quran dan As-Sunnah.

Pada khutbah kali ini juga, PTL turut menegaskan setiap warga TLDM perlu memiliki ciri-ciri kerohanian yang berupaya menjadi penggerak dan pemangkin sekaligus menjadi pengawas dalam segala gerak kerja yang dilaksanakan. Ciri-ciri tersebut adalah jujur, amanah, profesional, berintegriti dan dapat melaksanakan segala tuntutan ibadah. Bagi menjayakan hasrat ini, setiap warga TLDM hendaklah menjivai empat nilai teras iaitu sifat kemuliaan yang tinggi, tahap kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, sikap keberanian yang utuh dan rasa bangga yang meresapi dalam jiwa setiap warga *The Navy People*.

PTL juga menyeru seluruh *The Navy People* bersama-sama mengorak langkah, memperbetulkan tekad dan iltizam serta kesungguhan untuk bersama-sama menjana transformasi bagi menjayakan visi suci lagi murni ini ke arah mencapai *World Class Navy*.





Naval Terms

Origins of Navy Terminology



Admiral - Derived its pronunciation from term for a Moorish chief. A Moorish chief is an Emir, and chief of all the chiefs is the EMIR-AL, from which we get our English word "Admiral."

Alee - In direction toward which the wind is blowing; downwind.

Anchor's Aweigh - Said of the anchor when just clear of the bottom. (2) A US Navy Song. The word "Aweigh" is from the old English "Woeg" to raise.



Crossing The Line - This traditional ritual, now introducing the greenhorn to King Neptune in fun and merriment, originally was a very serious procedure among the Vikings, and was practiced with all kinds of severe tests to see if the novice could really stand the hardships of the ocean.


Hunky-Dory - This term, meaning everything is O.K., was coined from a street named Honki-dori in Yokohama. As the inhabitants of this street catered to the pleasure of sailors, one can readily understand why the street's name became synonymous for anything that is enjoyable or satisfactory.

Yaw - The act of a vessel in having its heading thrown wide of its course as the result of a force from astern, such as a heavy following sea.

Aye Aye - Reply to a command or order, meaning "I understand and will obey."

Darken Ship - To turn off all external lights and close all opening through which lights could be seen from the outside of the ship.

Wardroom - A compartment aboard ship near officers' stateroom used as officers' mess room. The wardroom originally was known as the Wardrobe Room, being the place where officers kept their spare wearing apparel and also any loot they won while on service. It was not until years later that it served its present purpose and became the officers' mess-room.



EXCELLENCE

through

CONTINUOUS INNOVATION



Boustead Heavy Industries Corporation Berhad 11108-V

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-2078 7770 Fax: +603-2078 7768 www.bhic.com.my



Your Thinking Company



SYSTEM CONSULTANCY



Prestigious Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M) Sdn Bhd



Dian Kreatif Sdn Bhd



IBS Technology Sdn Bhd

System Consultancy group of Companies

Head Office

System Consultancy Services Sdn. Bhd. (219906-U)

36, Jalan 1727F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur.
Tel • 603-4149 1919 Fax • 603-4149 2121 E-mail: scshq@pojaring.my